



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI


SELANGOR

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



ISSN 2811-4108



9 7 7 2 8 1 1 4 1 0 0 0 2

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara Malaysia
Blok F2 & F3, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>

Emel: jbaudit@audit.gov.my

Tel: 603-8091 1000

Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



PNMB

Dicetak Oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021

Laman web: www.printnasional.com.my

Emel: cservice@printnasional.com.my

Tel: 603-9236 6895

Faks: 603-9222 4773



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN/AGENSI NEGERI

SELANGOR

Tahun 2020

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
BAHAGIAN I PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020	
Ringkasan Eksekutif	3
Pendahuluan	5
Objektif dan Metodologi Pengauditan	6
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	7
BAHAGIAN II ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang	13
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	13
Penyata Prestasi Kewangan	14
Kumpulan Wang Disatukan	14
Wang Awam	17
Akaun Hasil Disatukan	20
Akaun Pinjaman Disatukan	33
Akaun Amanah Disatukan	34
Penyata Akaun Memorandum	57
Nota Kepada Penyata Kewangan	67
Rumusan Audit	72
Syor Audit	73
BAHAGIAN III PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Ringkasan Eksekutif	77
Pendahuluan	79
Pengauditan Penyata Kewangan	79
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	80
Pemakaian Piawai Perakaunan	81
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	82
Pembentangan Penyata Kewangan	88
Analisis Prestasi Kewangan	89
Bidang Utama Audit (Key Audit Areas)	89
Rumusan Audit	89
Syor Audit	89

**BAHAGIAN IV
PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**

Ringkasan Eksekutif	93
Pengenalan	95
Pejabat Daerah dan Tanah Petaling	
1. Kutipan Cukai Tanah Lot Tanah Pertanian	99
Majlis Sukan Negeri Selangor	
2. Pengurusan Pembayaran	107

**BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	117
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	117

PENUTUP 121

LAMPIRAN

Lampiran I	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	125
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	129
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	130
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	131
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	132
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	133
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	134

AKRONIM 163



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Selangor, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Selangor.

2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Selangor Tahun 2020 serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:

- i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
- ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
- iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
- iv. Pengauditan Pematuhan; dan
- v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.

3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2020. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.

4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini di sebalik kekangan yang timbul akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 sehingga 2021.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

22 November 2021



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

BAHAGIAN I

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Perkara Utama

**Apa yang
diaudit?**

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2020 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.

**Mengapa ia
penting
untuk
diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- **Hal-Hal Lain**

Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memastikan kawalan dalaman terhadap pengurusan terimaan dilaksanakan dengan lebih teratur terutama bagi perkara berikut:

- memastikan transaksi terimaan diperakaunkan segera dalam tahun ianya diterima supaya penyata kewangan yang disediakan pada akhir tahun kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama; dan
- Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled item*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

FAKTA UTAMA

1 Januari 2020 – 31 Disember 2020 Tahun kewangan Kerajaan negeri	31 Julai 2021 Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	1 Mac 2021 Tarikh penyerahan penyata kewangan
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-Hal Lain	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 pada 1 Mac 2021. Penyata tersebut melaporkan semua urusan niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2020 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Laporan Bendahari, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.2.1. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.2.2. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2020. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.2.3. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.2.4. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Tanggungan Kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.2.5. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan dan maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2020. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan jabatan negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, Mesyuarat Penutup bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan ketua jabatan serta agensi kerajaan negeri telah diadakan pada 13 Ogos 2021.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2020 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.**

3.3. Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memastikan kawalan dalaman terhadap pengurusan terimaan dilaksanakan dengan lebih teratur terutama bagi perkara berikut:

3.3.1. memastikan transaksi terimaan diperakaunkan segera dalam tahun ianya diterima supaya penyata kewangan yang disediakan pada akhir tahun kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama; dan

3.3.2. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled item*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

3.4. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor disertakan bersama Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara menyeluruh pada akhir tahun 2020, di samping membantu Kerajaan negeri memperkukuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 berjumlah RM2.445 bilion, meningkat sebanyak RM303.36 juta (14.2%) berbanding RM2.142 bilion pada akhir tahun 2019.
- Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri Selangor memperoleh hasil berjumlah RM2.258 bilion, iaitu menurun sebanyak RM62.52 juta (2.7%) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM2.320 bilion.
- Semua kategori hasil menunjukkan penurunan kecuali Hasil Bukan Cukai. Hasil Cukai pada tahun 2020 berjumlah RM619.31 juta (2019: RM700.71 juta), menurun sebanyak RM81.40 (11.6%). Hasil Bukan Cukai pada tahun 2020 berjumlah RM1.360 bilion (2019: RM1.338 bilion), meningkat sebanyak RM22.05 juta (1.6%). Terimaan Bukan Hasil tahun 2020 berjumlah RM277.85 juta (2019: RM281.02 juta), iaitu menurun sebanyak RM3.17 juta (1.1%).

- Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sebanyak RM374.45 juta (14.9%) daripada RM2.516 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.142 bilion pada tahun 2020.
- Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (RM1.191 bilion atau 55.6%), Perkhidmatan dan Bekalan (RM468.25 juta atau 21.9%) serta Emolumen (RM429.29 juta atau 20%).
- Kerajaan negeri mencatat lebihan di Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM116.13 juta pada tahun 2020 berbanding defisit berjumlah RM195.80 juta pada tahun 2019. Dengan mengambil kira lebihan ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 meningkat menjadi RM383.42 juta (2019: RM267.29 juta).
- Pada akhir tahun 2020, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM1.124 bilion (2019: RM1.191 bilion), menurun sebanyak RM66.71 juta (5.6%).
- Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM3.21 juta (3.5%) daripada RM92.47 juta kepada RM95.68 juta pada tahun 2020. Faktor utama peningkatan ini disebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor tidak membuat bayaran pokok dan faedah mengikut jadual pada tahun 2020 berjumlah RM30.40 juta.
- Pada tahun 2020, Hutang Awam telah mencatatkan penurunan sebanyak RM5.61 juta (0.5%) kepada RM1.105 bilion berbanding RM1.110 bilion pada tahun 2019. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2020 berjumlah RM59.52 juta (2019: RM28.55 juta).
- Tunggakan Hutang Awam adalah disebabkan tiada bayaran balik bagi projek bekalan air dibuat pada tahun semasa kerana hutang projek bekalan air akan dinovasikan kepada Pengurusan Aset Air Berhad setelah proses penstrukturan industri air di Selangor selesai sepenuhnya.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↓ HASIL 2020 – RM2.257 bilion 2019 – RM2.320 bilion	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN 2020 – RM383.42 juta 2019 – RM267.29 juta	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2020 – RM1.124 bilion 2019 – RM1.191 bilion
↓ BELANJA 2020 – RM2.164 bilion 2019 – RM2.538 bilion	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2020 - RM0 2019 - RM0	PELABURAN 2020 – RM191.10 juta 2019 – RM191.10 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2020 – RM2.061 bilion 2019 – RM1.874 bilion	↓ HUTANG AWAM 2020 – RM1.104 bilion 2019 – RM1.110 bilion

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebih atau kurang dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2020, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM2.257 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM2.164 bilion. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mencatat lebih dana berjumlah RM93.22 juta berbanding defisit dana berjumlah RM218.11 juta pada akhir tahun 2019. Kedudukan prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
JUMLAH HASIL	2,257.65	2,320.17	(62.52)	(2.7)
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,216.18	1,225.77	(9.59)	(0.8)
(-) Belanja Pembangunan	948.25	1,312.51	(364.26)	(27.8)
JUMLAH PERBELANJAAN	2,164.43	2,538.28	(373.85)	(14.7)
LEBIHAN/DEFISIT	93.22	(218.11)	311.33	(142.7)
Dibiayai oleh: Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	-	12.44	(12.44)	(100.0)
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	21.41	22.11	(0.70)	(3.2)
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(114.63)	183.56	(298.10)	(162.5)
JUMLAH PEMBIAYAAN	(93.22)	218.11	(311.33)	(142.70)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

3.2. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2020 adalah stabil kerana memperoleh lebih berjumlah RM93.22 juta, iaitu meningkat sebanyak RM311.33 juta (42.7%) berbanding defisit sejumlah RM218.11 juta pada tahun 2019.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2020 adalah berjumlah RM2.445 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul bagi tiga akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM303.36 juta kepada RM2.445 bilion pada tahun 2020 berbanding RM2.142 bilion pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan

baki Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan masing-masing berjumlah RM116.13 juta dan RM187.23 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	383.42	267.29	116.13	43.4
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	2,061.70	1,874.47	187.23	9.9
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,133.87	1,114.60	19.27	1.7
• Kumpulan Wang Pembangunan	*50.00	50.00	-	-
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	2.75	6.31	(3.56)	(56.4)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,055.47	987.41	68.06	6.9
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	25.65	27.15	(1.50)	(5.5)
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	310.79	376.26	(65.47)	(17.4)
c. Akaun Deposit	617.04	427.34	189.70	44.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,445.12	2,141.76	303.36	14.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota (*): Sebanyak RM4.88 juta pinjaman yang diterima daripada kerajaan persekutuan tidak diambil kira dalam Akaun Pinjaman Disatukan dan seterusnya tidak dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan kerana pinjaman ini telah diperakaunkan pada tahun 2021

4.2. Analisis trend baki Kumpulan Wang Disatukan menurun bagi tempoh 2016 hingga 2018, iaitu daripada RM3.051 bilion kepada RM2.135 bilion pada tahun 2018. Bagaimanapun, baki Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dan 2020, masing-masing berjumlah RM2.141 bilion dan RM2.445 bilion. Baki Akaun Hasil Disatukan menurun pada tahun 2016 hingga 2019, iaitu daripada RM1.450 bilion kepada RM267.29 juta dan meningkat semula kepada RM383.42 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar dari tahun 2016 hingga 2020 kerana semua terimaan pinjaman pada tahun tersebut telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sementara itu, baki Akaun Amanah Disatukan meningkat daripada RM1.600 bilion pada tahun 2016 kepada RM1.756 bilion pada tahun 2017 dan menurun semula pada tahun 2018. Bagaimanapun, baki Akaun Amanah Disatukan meningkat semula masing-masing kepada RM1.874 bilion pada tahun 2019 dan RM2.061 bilion pada tahun 2020. Trend Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.


**JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Akaun Hasil Disatukan	1,450.92	1,082.36	463.09	267.29	383.42
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	*0.00
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,600.28	1,756.45	1,672.28	1,874.47	2,061.70
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,140.90	971.15	904.75	1,114.60	1,133.87
• Kumpulan Wang Pembangunan	128.84	157.81	41.44	50.00	*50.00
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	5.13	24.47	18.42	6.31	2.75
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	991.30	769.33	821.42	987.41	1,055.47
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	15.63	19.54	23.47	27.15	25.65
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	321.90	533.28	423.29	376.26	310.79
c. Akaun Deposit	137.48	252.02	344.24	427.34	617.04
BAKI PADA 31 DISEMBER	3,051.20	2,838.81	2,135.37	2,141.76	2,445.12

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahunm 2016 hingga 2020

Nota (*): Sebanyak RM4.88 juta pinjaman yang diterima daripada kerajaan persekutuan tidak diambil kira dalam Akaun Pinjaman Disatukan dan seterusnya tidak dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan kerana pinjaman ini telah diperakaunkan pada tahun 2021

**CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai pada akhir tahun 2020 dan 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak RM88.04 juta (49.1%) daripada RM179.25 juta pada tahun 2019 kepada RM267.29 juta pada tahun 2020. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM88.22 juta (50.3%), iaitu daripada RM175.39 juta pada tahun 2019 kepada RM263.61 juta pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan lebih tunai di bank berikutan kemasukan dana yang tidak diunjurkan pada 30 Disember 2020, iaitu sebanyak RM67.75 juta daripada pulangan balik pinjaman Menteri Besar *Incorporated* (MBI) dan pencairan *Repurchase Agreement* (Repo) pada 31 Disember 2020 sebanyak RM170 juta. Pelaburan tidak dapat dilakukan terhadap lebih tunai berikutan penutupan akhir tahun. Kedudukan baki wang tunai pada akhir tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI				
1. Wang Tunai Dalam Bank	*263.61	175.39	88.22	50.3
2. Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.02	0.20	(0.18)	(90.0)
3. Wang Tunai Dalam Tangan	3.66	3.66	-	-
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	*267.29	179.25	88.04	49.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota (*): Wang Tunai Dalam Bank dan Wang Tunai tidak mengambil kira terimaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM4.88 juta yang telah disalurkan pada tahun 2020 kerana terimaan pinjaman ini telah diperakunkan pada tahun 2021

5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2020, komponen terbesar dalam pelaburan adalah Deposit Dalam Negeri (simpanan tetap melebihi tiga bulan) masing-masing berjumlah RM1.040 bilion dan RM900 juta. Perkara ini selaras dengan Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang membolehkan Kerajaan negeri melabur lebihan wang dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta saham.

5.2.2. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2020 dan 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak RM303.35 juta (14.2%) disebabkan perkara berikut:

- a. Pelaburan menggunakan dana Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor meningkat sebanyak RM75.31 juta (9.5%) menjadi RM865.42 juta pada tahun 2020 berbanding RM790.11 juta pada tahun 2019. Pelaburan ini antaranya dibuat dalam bentuk simpanan tetap, deposit jangka pendek, unit saham amanah, mandat pengurusan dana dan saham syarikat. Saham syarikat antaranya terdiri daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.
- b. Deposit Dalam Negeri yang merupakan salah satu komponen Pelaburan Am menunjukkan peningkatan sebanyak RM140 juta (15.6%) daripada RM900 juta pada tahun 2019 kepada RM1.040 bilion pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan lebihan tunai semasa selaras dengan kutipan hasil yang melebihi anggaran terutama pada bulan Disember 2020. Ini secara langsung menyebabkan baki Pelaburan Am Kerajaan negeri keseluruhannya meningkat RM140 juta daripada RM1.172 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.312 bilion pada tahun 2020.
- c. Pada tahun 2020, faedah yang diterima oleh Kerajaan negeri bagi pelaburan Deposit Dalam Negeri telah meningkat sebanyak RM9.40 juta (21.9%), iaitu daripada RM42.73 juta kepada RM52.13 juta. Peningkatan hasil faedah ini antaranya berkait dengan faedah yang ditawarkan oleh pihak bank dan institusi kewangan yang berbeza setiap bulan mengikut tempoh peletakan di mana pada tahun 2020 kebanyakan peletakan Deposit Dalam Negeri mempunyai tempoh matang tidak melebihi setahun. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
PELABURAN					
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah*					
1.	Tabung Warisan Negeri Selangor	689.49	651.17	38.32	5.9
2.	Tabung Amanah Bencana Alam	77.52	72.63	4.89	6.7
3.	Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	98.41	66.31	32.10	48.4
JUMLAH		865.42	790.11	75.31	9.5
PELABURAN AM**					
1.	Saham	262.41	262.41	-	-
2.	Deposit Dalam Negeri	1,040.00	900.00	140.00	15.6
3.	Jaminan Bank Pertanian Malaysia	10.00	10.00	-	-
JUMLAH		1,312.41	1,172.41	140.00	11.9
PELABURAN PADA 31 DISEMBER		2,177.83	1,962.52	215.31	11.0
KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER		2,445.12	2,141.76	303.35	14.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) - Pelaburan lebihan dana kumpulan wang/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa

(**) - Pelaburan lebihan dana Kumpulan Wang Disatukan


5.2.3. Analisis trend kedudukan pelaburan Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020 mendapati jumlah pelaburan menunjukkan penurunan dari tahun 2016 hingga 2018 dan meningkat semula pada tahun 2019 hingga 2020. Trend Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

JADUAL 6
TREND PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	604.48	665.30	709.42	790.11	865.43
Pelaburan Am	2,396.41	1,448.41	1,008.41	1,172.41	1,312.40
BAKI PADA 31 DISEMBER	3,000.89	2,113.71	1,717.83	1,962.52	2,177.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

**CARTA 2
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urusan niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi satu tahun kewangan.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2020 dengan lebihan di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM116.13 juta berbanding defisit pada tahun 2019 berjumlah RM195.80 juta. Ini menunjukkan lebihan yang dicatatkan pada tahun 2020 meningkat sebanyak RM311.93 juta (159.3%) kesan daripada penurunan perbelanjaan melebihi penurunan hasil masing-masing sebanyak RM374.45 juta (14.9%) dan RM62.52 juta (2.7%). Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2020 meningkat menjadi RM383.42 juta berbanding RM267.29 juta pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	267.29	463.09	(195.80)	(42.3)
Hasil	2,257.65	2,320.17	(62.52)	(2.7)
Perbelanjaan Mengurus*	2,141.52	2,515.97	(374.45)	(14.9)
LEBIHAN/DEFISIT	116.13	(195.80)	311.93	159.3
BAKI PADA 31 DISEMBER	383.42	267.29	116.13	43.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota: (*) - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Berjumlah RM925.34 juta.


6.3. Analisis trend kedudukan Akaun Hasil Disatukan menunjukkan Kerajaan negeri telah mencatat lebihan pada tahun 2020 tetapi defisit pada tahun 2016 hingga 2019. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 3**.

JADUAL 8
TREND AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	1,595.58	1,450.92	1,082.36	463.09	267.29
Hasil	2,499.66	2,810.10	1,998.52	2,320.17	2,257.65
Perbelanjaan Mengurus	2,644.32	3,178.66	2,617.79	2,515.97	2,141.52
LEBIHAN/DEFISIT	(144.66)	(368.56)	(619.27)	(195.80)	116.13
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,450.92	1,082.36	463.09	267.29	383.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6.4. Hasil

6.4.1. Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah meluluskan anggaran hasil berjumlah RM2.200 bilion manakala kutipan hasil sebenar berjumlah RM2.257 bilion melebihi anggaran yang diluluskan. Perkara ini disumbangkan oleh

Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing berjumlah RM91.37 (107.2%) dan RM40.57 (117.1%). Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2020

JENIS HASIL	ANGGARAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
Hasil Cukai	693.60	619.31	(74.29)	89.3
Hasil Bukan Cukai	1,269.12	1,360.49	91.37	107.2
Terimaan Bukan Hasil	237.28	277.85	40.57	117.1
JUMLAH	2,200.00	2,257.65	57.65	102.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

6.4.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2020 adalah berjumlah RM2.257 bilion, iaitu menurun sebanyak RM62.52 juta (2.7%) berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM2.320 bilion. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil masing-masing sebanyak RM81.40 juta (11.6%) dan RM3.17 juta (1.1%). Kutipan hasil sebenar tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KUTIPAN HASIL SEBENAR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

JENIS HASIL	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			RM Juta	%
Hasil Cukai	619.31	700.71	(81.40)	(11.6)
Hasil Bukan Cukai	1,360.49	1,338.44	22.05	1.6
Terimaan Bukan Hasil	277.85	281.02	(3.17)	(1.1)
JUMLAH	2,257.65	2,320.17	(62.52)	(2.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


6.4.3. Analisis trend menunjukkan kutipan hasil untuk tempoh lima tahun telah mencatat peningkatan pada tahun 2017 dan 2019 manakala tahun 2018 dan 2020 menunjukkan penurunan seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 4**.

JADUAL 11
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2016 HINGGA 2020

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Hasil Cukai	594.68	666.38	654.54	700.71	619.31
Hasil Bukan Cukai	1,720.45	1,929.11	1,061.52	1,338.44	1,360.49
Terimaan Bukan Hasil	184.53	214.61	282.46	281.02	277.85
JUMLAH	2,499.66	2,810.10	1,998.52	2,320.17	2,257.65

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

**CARTA 4
KUTIPAN HASIL TAHUN 2016 HINGGA 2020**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

6.4.4. Analisis lanjut mendapati lima penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2020 adalah terdiri daripada Premium bagi Geran, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri, Permit Tanah dan Galian, serta Pemberian Mengikut Ramai Penduduk. Kelima-lima butiran hasil ini menyumbang sebanyak RM1.749 bilion (77.5%) daripada keseluruhan hasil berjumlah RM2.257 bilion. Kutipan Premium bagi Geran merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah RM1.058 bilion diikuti dengan Cukai Tanah Semasa/Berulang berjumlah RM453.34 juta. Kutipan bagi lima penyumbang utama hasil tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2020 BERBANDING 2019**

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				RM Juta	%
1.	Premium Bagi Geran	1,057.74	1,008.37	49.37	4.9
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	453.34	465.99	(12.65)	(2.7)
3.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	82.30	79.62	2.68	3.4
4.	Permit Tanah dan Galian	79.69	96.59	(16.90)	(17.5)
5.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	75.94	75.25	0.69	0.9
JUMLAH		1,749.01	1,725.82	23.19	1.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


6.4.5. Analisis trend menunjukkan kutipan bagi lima butiran hasil, iaitu Premium bagi Geran, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri, Permit Tanah dan Galian serta Pemberian Mengikut Ramai Penduduk meningkat setiap tahun kecuali pada tahun 2018. Trend kedudukan kutipan bagi lima butiran hasil tersebut bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Carta 5**.

JADUAL 13
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	BUTIRAN	2016		2017		2018		2019		2020	
		(RM Juta)	(%)								
1.	Premium Bagi Geran	1,316.80	67.6	1,537.44	68.4	618.74	46.9	1,008.37	58.4	1,057.74	60.5
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	417.74	21.5	480.74	21.4	461.68	35.0	465.99	27.0	453.34	25.9
3.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	61.85	3.2	66.46	3.0	72.94	5.5	79.62	4.6	82.30	4.7
4.	Permit Tanah dan Galian	77.20	4.0	87.90	3.9	92.44	7.0	96.59	5.6	79.69	4.6
5.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	72.95	3.7	73.75	3.3	74.52	5.6	75.25	4.4	75.94	4.3
JUMLAH		1,946.54	100.0	2,246.29	100.0	1,320.32	100.0	1,725.82	100.0	1,749.01	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

CARTA 5
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

6.4.6. Analisis Audit mendapati justifikasi penurunan kutipan hasil sebanyak RM62.52 juta (2.7%) pada tahun 2020 antaranya disebabkan oleh penurunan lima butiran hasil yang ketara. Perbandingan bagi lima butiran hasil berkenaan pada tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI					
Tunggakan Cukai Tanah (61198)	42.04	56.02	(13.98)	(25.0)	Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada tahun 2020 menyebabkan penurunan kutipan di kaunter hasil semua Pejabat Tanah dan Daerah. Aktiviti pintu ke pintu dan van bergerak juga tidak dapat dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut.
Cukai Tanah Semasa/ Berulang (61101)	453.34	465.99	(12.65)	(2.7)	Pandemik COVID-19 telah menjejaskan prestasi kewangan pelbagai syarikat dan individu yang menyebabkan pemilik tanah tidak berkeupayaan membayar cukai tanah.
HASIL BUKAN CUKAI					
Permit Tanah dan Galian (71264)	79.69	96.59	(16.90)	(17.5)	Keberadaan pekerja dibenarkan tidak melebihi 30% dalam tempoh PKP ini menyebabkan kerja di tapak projek pembinaan menjadi perlahan sekaligus mengurangkan permintaan terhadap permit tanah kerana terjejasnya sektor pembinaan.
Bayaran Perkhidmatan Yang Lain (72499)	16.57	26.03	(9.46)	(36.3)	PKP dan PKPB menyebabkan pelbagai urusan tanah seperti carian rasmi, carian persendirian, kaveat, gadaian dan lain-lain menurun pada tahun 2020.
TERIMAAN BUKAN HASIL					
Pelbagai Hasil Tahun Lalu (81106)	3.90	23.67	(19.77)	(83.5)	<p>Terdapat beberapa terimaan pada tahun 2018 yang diperakakan pada tahun 2019. Ini menjadikan terimaan pada tahun 2020 lebih rendah dari tahun 2019. Diantaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sebanyak RM14 juta yang diakaunkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat pada tahun 2019, iaitu bayaran premium pada 19 Disember 2018 bagi kelulusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan untuk tujuan tapak Balai Polis Pandan Indah, Ampang. Bayaran tersebut telah dijelaskan secara EFT No. 20181110681311 pada 19 Disember 2018 dan telah diperakakan melalui Penyata Pemungut No.TE000123 pada 18 Januari 2019 sebagai hasil tahun lalu bagi tahun 2019. Pejabat Setiausaha Kerajaan negeri mengakaunkan terimaan bayaran sewaan tapak menara telekomunikasi tahun 2018 pada tahun 2019 sebagai hasil tahun lalu sebanyak RM1.24 juta dan kos pengalihan utiliti Gas Malaysia Berhad berjumlah RM2.61 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.4.7. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap lima butiran hasil menunjukkan peningkatan ketara pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
HASIL CUKAI					
Cukai Petak Semasa (61115)	24.77	18.33	6.44	35.1	Kesedaran pemilik cukai petak bagi menjelaskan cukai petak telah menyumbang kepada peningkatan kutipan cukai petak. Berdasarkan peningkatan urusan di Bahagian Strata mendapati kebanyakan pemilik petak telah membuat permohonan bagi mendapatkan hak milik strata.
HASIL BUKAN CUKAI					
Premium bagi Geran (73602)	1,057.74	1,008.37	49.37	4.9	Terimaan bayaran daripada syarikat pada tahun 2020 bagi permohonan pembangunan berskala besar melibatkan tanah dengan kadar nilai yang tinggi. Antaranya adalah: <ul style="list-style-type: none"> • Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM353 juta; • Setia Alamsari Sdn. Bhd sebanyak RM73 juta; • Lembaga Pelabuhan Klang sebanyak RM63 juta; • Greenstone Development Sdn. Bhd sebanyak RM43 juta; dan • Mitsui Copper Foil (M) Sdn. Bhd sebanyak RM41 juta
Sewa Pelbagai Yang Lain (74999)	20.80	1.68	19.12	1,138.1	Peningkatan disebabkan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) perlu membayar sebanyak RM20 juta di bawah perjanjian Global Settlement Agreement (GSA) selama 16 tahun.
Faedah dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW) (75201)	47.11	35.88	11.23	31.3	Peningkatan faedah daripada Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW). Lebihan tunai semasa di bank membolehkan peletakan deposit dalam jangka masa panjang (melebihi enam bulan) bagi mendapatkan pulangan faedah yang tinggi.
TERIMAAN BUKAN HASIL					
Pemberian Kos Perkhidmatan di atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan (82311)	14.26	9.93	4.33	43.6	Terimaan bagi permohonan Pemberian Kos Perkhidmatan atas pelaksanaan projek pembangunan persekutuan meningkat sebanyak RM4.33 juta disebabkan oleh permohonan projek Kerajaan Persekutuan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan telah meningkat berbanding tahun 2019.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Hasil Kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Maksud Tanggungan adalah

perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Maksud Bekalan pula adalah merupakan emolumen, semua kenaa kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Peruntukan yang diluluskan menurun sebanyak RM268.18 juta (10.1%), iaitu daripada RM2.659 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.390 bilion pada tahun 2020. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2020 BERBANDING 2019

MAKSUD PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	451.31	472.04	(20.73)	(4.4)
Perkhidmatan dan Bekalan	494.53	516.13	(21.60)	(4.2)
Aset	8.34	12.12	(3.78)	(31.2)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,375.36	1,580.66	(205.30)	(13.0)
Perbelanjaan Lain	61.28	78.05	(16.77)	(21.5)
JUMLAH	2,390.82	2,659.00	(268.18)	(10.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.5.2. Pada tahun 2020, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri adalah berjumlah RM2.141 bilion yang merupakan 89.6% daripada peruntukan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor berjumlah RM2.390 bilion. Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2020

MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	BELANJA (%)
Emolumen	451.31	429.29	95.1
Perkhidmatan dan Bekalan	494.53	468.25	94.7
Aset	8.34	8.06	96.6
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	1,375.36	1,190.98	86.6
Perbelanjaan Lain	61.28	44.94	73.3
JUMLAH	2,390.82	2,141.52	89.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

Nota: (*) – Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Berjumlah RM925.34 juta

6.5.3. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sebanyak RM374.45 juta (14.9%), iaitu daripada RM2.516 bilion pada tahun 2019 kepada RM2.141 bilion pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM1.191 bilion di bawah Vot B06, iaitu Caruman

Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan berjumlah RM925.34 juta dan Vot B02, iaitu Bendahari Negeri (Pelbagai) berjumlah RM73.94 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2020 BERBANDING 2019

MAKSUD PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	429.29	456.75	(27.46)	(6.0)
Perkhidmatan dan Bekalan	468.25	498.45	(30.20)	(6.1)
Aset	8.06	11.88	(3.82)	(32.2)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,190.98	1,481.94	(290.96)	(19.6)
Perbelanjaan Lain	44.94	66.95	(22.01)	(32.9)
JUMLAH	2,141.52	2,515.97	(374.45)	(14.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.5.4. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat justifikasi penurunan yang tertinggi pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG TERTINGGI TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020	2019	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
EMOLUMEN					
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	32.67	64.97	(32.30)	(49.7)	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Kerajaan Negeri Selangor hanya meluluskan pembayaran Bantuan Khas Kewangan(BKK) yang lebih kecil, iaitu BKK1 berjumlah RM1,000 dan BKK2 setengah bulan gaji berbanding tahun 2019 sebulan gaji bagi kedua-dua BKK. Bagi tujuan penyaluran BKK di bawah maksud B29 Objek Sebagai 17000, Perbendaharaan Negeri hanya menampung bahagian BKK yang tidak dapat dibiayai oleh Jabatan terbabit.
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN					
Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang dibeli dan Hospitaliti	216.97	233.89	(16.92)	(7.2)	Jabatan Agama Islam Ekoran pandemik COVID-19 yang melanda negara, terdapat beberapa program berimpak tinggi di peringkat negeri dan kebangsaan serta sumbangan dan bantuan tidak dapat dilaksanakan. Berikut adalah anggaran perbelanjaan bagi program yang tidak dapat dilaksanakan: <ul style="list-style-type: none"> Ihya Ramadhan – RM1.90 juta; Tarbiah Ramadhan Masjid Negeri dan Tausiah Ramadhan – RM0.70 juta; Sambutan Maal Hijrah – RM0.30 juta; Sumbangan bantuan moreh kepada masjid dan surau – RM1.40 juta;

BUTIRAN	2020	2019	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
					<ul style="list-style-type: none"> Kursus Perdana Haji dan Tilawah Al-Quran – RM0.5 juta;
ASET					
Kenderaan dan Jentera	2.00	4.52	(2.52)	(55.7)	Jabatan Pertanian Tiada cadangan peruntukan dalam Anggaran Perbelanjaan Negeri Selangor di bawah vot B08 Objek Sebagai 34000 bagi Jabatan Pertanian pada tahun 2020.
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP					
Pemberian dalam Negeri	1,076.20	1,448.13	(371.93)	(25.7)	Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan Pelarasan perbelanjaan pembangunan lebih kecil berbanding tahun 2019 kerana perbelanjaan pembangunan tahun 2020 berjumlah RM943.77 juta menurun sebanyak RM363.53 juta berbanding tahun 2019 berjumlah RM1,307.30 juta.
PERBELANJAAN LAIN					
Pulangan Balik dan Hapuskira	4.02	12.15	(8.13)	(66.9)	Perbendaharaan Negeri Bilangan permohonan Pulang Balik Hasil daripada Pusat Tanggungjawab menurun sebanyak 127 permohonan (RM6.09 juta). Permohonan pada tahun 2020 adalah sebanyak 245 permohonan (RM4.02 juta) berbanding tahun 2019, iaitu sebanyak 118 permohonan (RM10.11 juta).
Bayaran-Bayaran Lain	40.92	54.80	(13.88)	(25.3)	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Terdapat kes mahkamah di mana bayaran saman telah menggunakan sumber dana daripada Akaun Amanah. Antaranya seperti ialah bayaran saman mahkamah bagi Syarikat Triumph City yang berjumlah RM65 juta menggunakan peruntukan di bawah Tabung Amanah Rumah Mampu Milik.


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

6.5.5. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa pembayaran untuk bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut.
- b. Pada tahun 2020, bayaran di bawah AP58(a) berjumlah RM9.45 juta menurun sebanyak RM16.74 juta (63.9%) berbanding RM26.19 juta pada tahun 2019. Penurunan ini berlaku adalah disebabkan oleh pemakluman awal berkenaan penutupan akaun bagi tahun kewangan tahun 2019. Bayaran di bawah AP58(a)

menurun pada tahun 2017 sebelum mencatatkan peningkatan pada tahun 2018 dan 2019 dan kembali menurun pada tahun 2020. Bayaran di bawah AP58(a) ini menunjukkan penurunan yang ketara pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Carta 6**.


CARTA 6
BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

- c. Pada tahun 2020, antara jenis perbelanjaan AP58(a) yang menunjukkan bayaran tertinggi dari bulan Januari sehingga Disember adalah pembayaran di bawah kod 20000, iaitu bayaran Bekalan dan Perkhidmatan. Pada suku tahun pertama, bayaran di bawah kod 20000 adalah berjumlah RM5 juta manakala, pada suku tahun kedua adalah berjumlah RM2.89 juta. Ini diikuti dengan bayaran bagi suku tahun ketiga dan keempat masing-masing adalah berjumlah RM381,948 dan RM209,086. Di bawah kod Emolumen 10000, iaitu bayaran lebih masa kakitangan dan ganjaran kakitangan kontrak menunjukkan perbelanjaan bagi suku tahun pertama adalah berjumlah RM529,281 manakala suku tahun kedua dan ketiga masing-masing berjumlah RM284,562 dan RM53,859. Jenis perbelanjaan kod 50000 bagi bayaran Perbelanjaan Lain adalah berjumlah RM65,000 bagi suku tahun pertama sahaja adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
PERBELANJAAN BAGI BAYARAN AP58(a) MENGIKUT KOD PENJENISAN



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- d. Analisis Audit mendapati tanggungan 2019 yang dibayar pada tahun 2020 adalah berjumlah RM9.45 juta. Lima Jabatan tertinggi dan sebab pembayaran dibuat pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
PEMBAYARAN TANGGUNGAN TAHUN 2020 DI BAWAH AP58(a)

JABATAN		PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	Perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan bangunan, sewaan mesin fotostat, bacaan meter fotostat, Bantuan Khas Kewangan dan gaji Pekerja sambilan harian.	3,042,674
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bayaran perubatan, elaun lebih masa, bayaran utiliti, Elaun Perkhidmatan Penyelia, Bantuan Khas Kewangan dan gaji pekerja sambilan harian.	1,317,474
3.	Masjid Negeri	Bayaran kontrak komprehensif, perkhidmatan kawalan keselamatan dan Bacaan meter penyalin.	638,676
4.	Pengelola Bijaya Diraja	Elaun lebih masa, bayaran utiliti, perkhidmatan pembersihan dan elaun harian.	505,511
5.	Jabatan Perhutanan	Tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, sewaan mesin fotostat dan bayaran utiliti.	376,251
JUMLAH			5,880,586

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- e. Analisis Audit juga telah dijalankan bagi pembayaran AP58(a) selepas bulan Jun 2020. Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat arahan kepada semua jabatan di Negeri Selangor supaya mengemukakan permohonan

pembayaran di bawah AP58(a) selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun dan sebarang kelewatan permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses. Hasil analisis Audit menunjukkan sebanyak RM4.27 juta (45.2%) telah dibayar pada bulan Jun hingga Disember 2020 yang melibatkan sebanyak 1,346 baucar. Lima jabatan tertinggi dan justifikasi pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
PEMBAYARAN AP58(a) SELEPAS BULAN JUN 2020

JABATAN		PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Agama Islam	Perkhidmatan kawalan keselamatan, perkhidmatan pembersihan bangunan, sewaan mesin fotostat, bacaan meter fotostat, Bantuan Khas Kewangan dan gaji pekerja sambilan harian.	1,979,129
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bayaran perubatan, elaun lebih masa, bayaran utiliti, Elaun Perkhidmatan Penyelia, Bantuan Khas Kewangan dan gaji pekerja sambilan harian.	575,791
3.	Jabatan Perhutanan	Tuntutan perjalanan, elaun lebih masa, sewaan mesin fotostat dan bayaran utiliti.	136,828
4.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Perkhidmatan pembersihan, sewa mesin fotostat, gaji pekerja sambilan harian dan bayaran surat khabar.	131,413
5.	Jabatan Kehakiman dan Syariah	Perkhidmatan kawalan keselamatan, Perkhidmatan selenggara landskap bangunan, sewa mesin fotostat, Bantuan Khas Kewangan dan gaji pekerja sambilan harian.	120,416
JUMLAH			2,943,577

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- f. Analisis Audit selanjutnya telah dibuat bagi pembayaran AP58(a) mengikut bulan bil. Hasil analisis Audit mendapati pembayaran di bawah AP58(a) yang dibayar pada bulan Januari hingga Disember 2020 mengikut bulan bil tahun 2019 berjumlah RM4.45 juta seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT BULAN BIL TAHUN 2019

BIL.	BULAN	JUMLAH (RM)
1.	Januari	11,455
2.	Februari	12,768
3.	Mac	27,673
4.	April	73,642
5.	Mei	55,379
6.	Jun	46,901
7.	Julai	57,646
8.	Ogos	84,191
9.	September	78,149
10.	Oktober	183,129
11.	November	530,381

BIL.	BULAN	JUMLAH (RM)
12.	Disember	3,292,478
JUMLAH		4,453,792

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- g. Semua bayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2020 telah dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Pembayaran di bawah AP58(a) adalah terdiri daripada bayaran perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan penyenggaraan, perkhidmatan kawalan keselamatan, sewaan komputer dan mesin pencetak, percetakan dan pengiklanan, bayaran hospital dan bil perubatan, bayaran balik emolumen, elaun lebih masa serta bil utiliti.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

7.2. **Sebanyak RM4.88 juta telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada bulan November 2020. Bagaimanapun, pinjaman tersebut hanya diakaunkan pada tahun 2021 berdasarkan resit dan penyata pemungut bertarikh 14 Januari 2021.** Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada tahun 2019 dan 2020 seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.00
Terimaan	*0.00	12.44	(12.44)	(100.0)
Bayaran/Pindahan	0.00	12.44	(12.44)	(100.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota (*): Terimaan dan Bayaran/Pindahan di Akaun Pinjaman Disatukan tahun 2020 tidak mengambil kira pinjaman yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 sebanyak RM4.88 juta

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua penerimaan dan pembayaran wang amanah mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat ikatan amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2020 berjumlah RM2.061 bilion berbanding RM1.874 bilion pada akhir tahun 2019, iaitu meningkat sebanyak RM187.23 juta (10%). Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Akaun Deposit dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan masing-masing sebanyak RM189.70 (44.4%) dan RM19.27 (1.7%). Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2020 BERBANDING 2019


BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan *	1,133.87	1,070.87	63.00	5.9
• Kumpulan Wang Pembangunan *	50.00	50.00	-	-
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	2.75	6.31	(3.56)	(56.4)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,055.47	987.41	68.06	6.9
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	25.65	27.15	(1.50)	(5.5)
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	310.79	376.26	(65.47)	(17.4)
c. Akaun Deposit	617.04	427.34	189.70	44.4
JUMLAH	2,061.70	1,874.47	187.23	10.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota (*): Baki Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan tahun 2020 tidak mengambil kira pinjaman yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020 sebanyak RM4.88 juta kerana pinjaman ini telah diperakaunkan pada tahun 2021

8.2. Analisis trend menunjukkan kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 8**.

CARTA 8
AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Negeri Selangor dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

a. Prestasi Kewangan

- i. Kumpulan Wang Pembangunan mengaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Terimaan utama bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, pemberian Persekutuan dan pelbagai terimaan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	50.00	41.44	8.56	20.7
Terimaan *	943.77	1,315.86	(372.09)	(28.3)
Perbelanjaan	943.77	1,307.30	(363.53)	(27.8)
LEBIHAN/DEFISIT *	-	8.56	(8.56)	(100.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER *	50.00	50.00	-	-

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

Nota (*): Terimaan dan Baki Kumpulan Wang Pembangunan tahun 2020 tidak mengambil kira pinjaman sebanyak RM4.88 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2020

- ii. Pada tahun 2020, sebanyak RM4.88 juta telah diterima oleh Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek bekalan air. Terimaan tersebut telah diperakunkan pada tahun 2021 oleh Kerajaan negeri disebabkan oleh kelewatan menerima surat makluman daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh yang demikian, baki Kumpulan Wang Pembangunan di Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2020 ini kekal berbaki RM50 juta. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2020 BERBANDING 2019

JABATAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	680.00	934.21	(254.21)	(27.2)
2. Jabatan Kerja Raya	121.00	188.10	(67.10)	(35.7)
3. Jabatan Agama Islam	64.42	87.38	(22.96)	(26.3)
4. Jabatan Pengairan dan Saliran	65.60	74.40	(8.80)	(11.8)
5. Jabatan Pertanian	7.56	13.37	(5.81)	(43.5)
6. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.30	5.28	(1.98)	(37.5)
7. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1.39	2.70	(1.31)	(48.5)
8. Pejabat Perbendaharaan Negeri				
• Projek Am	0.50	0.29	0.21	72.4
• Pengkomputeran	0.00	1.57	(1.57)	100.0
JUMLAH	943.77	1,307.30	(363.53)	(27.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

b. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

- i. Pada tahun 2020, sebanyak RM943.77 juta (90.9%) daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM1.037 bilion telah dibelanjakan yang terdiri daripada Kaedah Langsung dan Pinjaman seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2020

KAEDAH	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN
			(%)
Langsung	1,032.57	938.89	90.9
Pinjaman	5.38	4.88	90.7
JUMLAH	1,037.95	943.77	90.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

- ii. Semua jabatan telah berbelanja melebihi 80% daripada peruntukan pembangunan kecuali Jabatan Agama Islam dan Perbendaharaan Negeri yang hanya membelanjakan 72.4% dan 31.8% daripada peruntukan diluluskan. Peruntukan pembangunan dan pencapaian perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11
BAGI TAHUN 2020 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN
				(%)
1.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1.39	1.38	99.3
2.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3.45	3.30	95.7
3.	Jabatan Kerja Raya	128.51	121.00	94.2
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	729.23	680.00	93.2
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	75.57	65.60	86.8
6.	Jabatan Pertanian	9.30	7.56	81.3
7.	Jabatan Agama Islam	88.94	64.42	72.4
8.	Perbendaharaan Negeri	1.57	0.50	31.8
	JUMLAH	1,037.95	943.77	90.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

- iii. Sehingga tahun terakhir RMKe-11, sebanyak RM6.674 bilion (90.9%) telah dibelanjakan berbanding anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 yang diluluskan berjumlah RM7.335 bilion. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 bagi setiap tahun adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11
MENGIKUT TAHUN (2016 HINGGA 2020)

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
2016	7,335.35	1,364.47	18.6
2017		1,631.75	22.2
2018		1,427.00	19.5
2019		1,307.30	17.8
2020		943.77	12.9
JUMLAH RMKe-11	7,335.35	6,674.29	90.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

iv. Analisis Audit mendapati peruntukan bagi sembilan projek pembangunan berjumlah RM3.01 juta di tiga jabatan tidak dibelanjakan langsung. Antara jabatan yang terlibat adalah Pejabat Menteri besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Agama Islam. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN LANGSUNG

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	SEBAB
MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI			
1.	Kemudahan Asas PBT	763,340	Surat edaran kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diedarkan pada bulan Februari 2020 dan tiada permohonan diterima daripada PBT.
2.	Membina Baru Perpustakaan Desa	450,000	Masalah status tapak tanah Perpustakaan Desa Kerling yang masih belum memperoleh kelulusan daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP).
3.	Kelengkapan dan Koleksi	200,000	Proses perolehan sebut harga yang tertangguh akibat PKP dan permohonan peruntukan tidak mendapat kelulusan daripada Pengarah Unit Perancang Ekonomi (UPEN) selepas permohonan diterima pada 30 November 2020.
4.	<i>Art Gallery/ Heritage Walk</i>	600,000	Pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) dalam proses memuktamadkan lokasi yang sesuai bagi pembinaan Art Gallery di Bangunan lama Mahkamah Perusahaan Kuala Lumpur. Projek masih di peringkat awal penyediaan cadangan dokumen untuk kelulusan Kerajaan negeri.
5.	Muzium Tekstil	100,000	PADAT masih dalam proses memuktamadkan reka bentuk dan skop kerja.
JABATAN PERHUTANAN			
6.	Tanaman Mengaya	100,000	Pemulangan peruntukan atas dasar penjimatan dan kekangan masa di mana projek tidak dapat disiapkan dalam tempoh ditetapkan atas faktor COVID-19.
7.	Pusat Kecerlangan Hutan Paya Gambut	200,000	
JABATAN AGAMA ISLAM			
8.	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (Baik pulih dan Naik taraf)	500,000	Sebut harga bagi membekal dan memasang karpet Masjid ditangguhkan kerana syarikat tidak dapat menyelesaikan kerja mengikut tempoh yang ditetapkan.
9.	Masjid Kota Damansara	100,000	Projek tidak dapat dilaksanakan kerana perlu menyiapkan projek sedia ada.
JUMLAH		3,013,340	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

- v. Analisis lanjut Audit mendapati 30 projek di tujuh jabatan di mana perbelanjaan adalah kurang daripada 50% berbanding peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI					
1.	Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi	1,146,180	294,840	25.7	Beberapa program latihan keusahawanan yang dirancang melibatkan usahawan desa setiap daerah di Negeri Selangor tidak dapat dilaksanakan akibat PKP.
2.	Program Pembangunan Desa	970,780	235,463	24.3	Kursus Pemantapan Kepimpinan Kampung melibatkan semua Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) dan Program Sayangi Desa yang merupakan program berbentuk karnival tidak dapat dilaksanakan akibat PKP.
3.	Memajukan Kraftangan	150,000	50,000	33.3	Program Bazar kraf Selangor dan Kembara kraf dalam bentuk pameran dan ekspu serta <i>Familiarization Trip</i> yang melibatkan penyertaan orang ramai dibatalkan akibat PKP.
4.	Menaik taraf Produk Pelancongan	1,300,000	443,276	34.1	Projek Menaik taraf Rumah Rehat Seri Berkat, Hulu Selangor berjumlah RM810.36 tidak dapat dilaksanakan akibat pergerakan terbatas kontraktor kesan daripada PKP.
5.	Dewan Serbaguna Kuala Selangor	170,000	21,025	12.4	Peruntukan anggaran asal Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi projek adalah RM170,000. Setelah semakan, jumlah bayaran muktamad yang diperakukan adalah RM21,025 sahaja.
6.	Masjid Sultan Alaeddin (Konservasi)	350,000	2,167	0.6	Unjuran asal peruntukan tahun 2020 untuk bayaran perunding adalah RM350,000. Bagaimanapun, kos bayaran yang telah disahkan oleh JKR adalah berjumlah RM2,167 sahaja.
PERBENDAHARAAN NEGERI					
7.	Pelbagai Projek	1,565,000	496,464	31.7	Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri Selangor Bil.10/2020 pada 24 September 2020 telah memutuskan tender ini dibatalkan berikutan hanya satu sahaja petender yang mengemukakan tawaran tender dan gagal dalam semua penilaian.
JABATAN PERTANIAN					
8.	Pembangunan Taman Agro-Ulu Chuchuh, Sepang	120,000	57,590	47.9	Baki peruntukan tidak diluluskan kerana tidak menepati skop projek yang memerlukan penyediaan spesifikasi teknikal dari jabatan lain.

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
9.	Rumah Cendawan	210,000	84,172	40.1	Semakan Jabatan mendapati trend permohonan projek cendawan semakin menurun dan bermula RMKe-12 jabatan akan mengurangkan peruntukan vot ini.
10.	Kemudahan Penyimpanan	79,852	27,300	34.2	
11.	Inovasi dan Teknologi Pertanian	158,700	47,620	30.0	
12.	Fertigasi Tertutup	720,000	311,979	43.3	Program ini kurang mendapat sambutan daripada petani kerana projek ini memerlukan kerjasama di antara petani dan jabatan. Peruntukan ini tidak dapat digunakan untuk program, iaitu seminar dan hari inovasi akibat pandemik COVID-19.
JABATAN PERHUTANAN					
13.	Pengurusan Hidrologi dan Zon Pemampasan Hutan Paya Gambut	400,000	194,570	48.6	Peruntukan yang diwarankan kepada JKR bagi tujuan bayaran muktamad perunding pembinaan Kompleks Pejabat Pertanian Hulu Selangor telah ditolak kerana diterima lewat dan hampir tarikh penutupan akaun.
14.	Projek Pembangunan Pusat Kecemerlangan Hutan Negeri Selangor	130,000	19,750	15.2	Perbelanjaan adalah untuk aktiviti pembinaan <i>canal blocking</i> dan mencuci kolam tadahan air telah siap kecuali menambak dan meratakan <i>clay dyke</i> tidak dapat disiapkan mengikut tempoh ditetapkan.
JABATAN KERJA RAYA					
15.	Menggantikan Jambatan di Atas Sungai Rasah di KM5.6 Bagi Projek Tebatan Banjir di Jalan Sungai Rasah dan di Jalan Padang Jawa	1,920,000	615,000	32.0	Projek ini akan menyebabkan pembaziran kerana Jabatan Perhutanan dalam proses membangunkan Ampang Look Out Point (ALOP) seperti keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri ke 23/2019.
16.	Menbina Jalan dari Kg. Ulu Chuchuh ke KLIA	100,000	29,475	29.5	Projek ini akan menyebabkan pembaziran kerana Jabatan Perhutanan dalam proses membangunkan Ampang Look Out Point (ALOP) seperti keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri ke 23/2019.
17.	Naik Taraf Jalan ke SMK Tiram Jaya, Tanjung Karang	285,000	129,357	45.4	Bayaran <i>Loss and Expenses</i> kepada pihak kontraktor tidak dapat dibuat pada tahun 2020 kerana akaun negeri telah ditutup.
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN					
18.	Projek Tebatan Banjir, Petaling	83,888	40,114	47.8	Bayaran pampasan pengambilan tanah tidak dapat dilaksanakan kerana proses mahkamah ditangguhkan akibat PKP.
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN					
18.	Projek Tebatan Banjir, Petaling	83,888	40,114	47.8	Bayaran bagi kerja <i>Traffic Impact Assessment</i> (TIA) sebanyak RM13,000 tidak dapat diproses memandangkan TIA tidak dapat dijalankan akibat sekolah ditutup berikutan PKP.
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN					
18.	Projek Tebatan Banjir, Petaling	83,888	40,114	47.8	Unjuran awal RM42,000 adalah bayaran perunding bagi projek RTB Sungai Buloh. Perunding telah dilantik pada 8.12.2020 dan tidak sempat dibelanjakan kerana akaun telah ditutup.

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
19.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Kedondong	1,000,000	303,800	30.4	Baki peruntukan tidak dapat dibelanjakan disebabkan pembatalan inden kerana pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) tidak dapat menyiapkan kerja pengalihan akibat PKP.
20.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Kapar Kecil	1,384,064	645,900	46.7	Projek mengalami kelewatan disebabkan sistem TNB sedia ada tidak memadai untuk menampung bekalan kuasa sistem pam. TNB memaklumkan perlu menaik taraf kuasa elektrik sebelum janakuasa dapat dibekalkan kepada sistem JPS.
21.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Jijan, Mukim Labu	1,429,600	359,500	25.2	Peruntukan bagi tahun 2020 tidak dapat dibelanjakan kerana kerja di tapak tidak dapat diselesaikan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah dan pembatalan inden bagi kerja pengalihan kabel dan utiliti TNB.
22.	Projek Menaiktaraf Sungai Balak, Mukim Cheras	300,000	60,520	20.2	Baki peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana <i>final as built drawing</i> kurang dari anggaran asal yang telah dipersetujui.
23.	Projek Menaiktaraf Pam dan Membina Kolam Takungan di Kampung Padang Jawa	20,000	7,996	39.9	Peruntukan adalah anggaran iklan dan percetakan dokumen yang tidak sempat dibelanjakan.
24.	Pembinaan Rumah Pam dan Trash Rake ke Baharu	79,585	39,745	49.9	Peruntukan tidak dapat dibelanjakan kerana penghantaran pam daripada India terpaksa ditangguhkan akibat PKP.
JABATAN AGAMA ISLAM					
25.	Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi Istana Bandar (Bangunan Asrama dan Sokongan)	1,500,000	278,400	18.6	Kontraktor utama telah ditamatkan perkhidmatan kerana prestasi kerja yang kurang memuaskan dan tidak dapat menyiapkan kerja mengikut tarikh yang ditetapkan. JKR dalam proses untuk melaksanakan tender semula pada tahun 2021.
26.	Masjid Seksyen 13 Shah Alam (Naik taraf)	2,999,990	1,400,500	46.7	Kemajuan kerja fizikal di tapak projek perlahan dan kontraktor lewat menyiapkan projek. JKR akan mengambil tindakan mengikut syarat kontrak dan akan diangkat ke peringkat Pengarah JKR Selangor.
27.	Masjid Al Amaniah (Naik taraf)	100,000	18,796	18.8	Projek akan ditender pada tahun 2022 kerana JKR tidak dapat melaksanakan disebabkan kekangan projek lain.
28.	Masjid Kota Raja (Tok Dagang)	871,186	164,849	18.9	Bayaran adalah bagi perakuan muktamad. Baki lebihan peruntukan dipindahkan ke projek lain.
29.	Masjid Jamek Cina Muslim Klang	3,000,000	810,103	27.0	Projek lewat ditender disebabkan isu perubahan di tapak dan proses perolehan Surat Setuju Terima (SST) yang mengambil masa lama berikutan PKP.

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
30.	Baik Pulih Surau	500,000	50,510	10.1	Kerja kecemasan baik pulih surau tidak dapat dilaksanakan kerana Jawatankuasa Surau telah memohon JKR untuk menyemak status bangunan sama ada strukturnya masih selamat untuk digunakan.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

c. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

- i. Sebanyak 319 projek fizikal telah dirancang di bawah RMKe-11 untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2020, sebanyak 131 projek (41%) telah disiapkan, 65 projek (20.4%) dalam peringkat pelaksanaan dan 123 projek (38.6%) berstatus belum mula/dalam perancangan/batal/gugur. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 32** dan **Carta 9**.


JADUAL 32
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	STATUS PROJEK		
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN / BATAL /GUGUR
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	103	40	20	43
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	82	47	16	19
3.	Jabatan Kerja Raya	82	22	14	46
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	43	18	13	12
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	9	4	2	3
JUMLAH		319	131	65	123

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

Nota: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pertanian serta Perbendaharaan Negeri Selangor hanya melaksanakan projek bukan fizikal dan tidak disenaraikan

CARTA 9
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri

ii. Analisis lanjut terhadap pencapaian pelaksanaan projek RMKe-11 sehingga 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

- Daripada 65 projek dalam pelaksanaan, sebanyak 44 projek telah lewat disiapkan berbanding jadual. Antara faktor menyumbang kepada projek lewat disiapkan berbanding jadual adalah kegagalan pihak kontraktor untuk merancang dan mengawal selia sub-kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan kerja tapak, pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Gas Malaysia serta isu perubahan reka bentuk yang memerlukan semakan semula oleh perunding. Lima projek lewat disiapkan berbanding jadual dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 tahun 2020 yang tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
PROJEK LEWAT BERBANDING JADUAL DENGAN
ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-11 YANG TERTINGGI

BIL.	PROJEK	JABATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Muzium Setem	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	3.00
2.	Kompleks Islam Kuala Langat	Jabatan Agama Islam	20.69
3.	Masjid Kota Kemuning		16.40
4.	Masjid Kampung Melayu Rasa, Hulu Selangor		10.50
5.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Rasau	Jabatan Pengairan dan Saliran	3.32

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- Daripada 123 projek belum mula/dalam perancangan/batal/gugur, sebanyak enam projek belum dimulakan, 28 projek sedang dalam perancangan dan 89 projek telah dibatalkan/digugurkan. Butiran projek belum mula/dalam perancangan/batal/gugur mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
PROJEK BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN/BATAL

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	STATUS PROJEK		
		BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN	BATAL/GUGUR
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	2	5	36
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	-	7	12
3.	Jabatan Kerja Raya	-	8	38
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4	8	-
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	-	3
JUMLAH		6	28	89

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- Kesemua enam projek yang belum dimulakan tidak mempunyai peruntukan tahun 2020. Projek belum dimulakan kerana memberi laluan kepada pelaksanaan projek lain yang perlu diberi keutamaan.
- Sebanyak 89 projek pembangunan RMKe-11 telah dibatalkan melibatkan 38 projek di bawah Jabatan Kerja Raya, 36 projek di bawah Jabatan Agama Islam, 12 projek di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran serta tiga projek di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Antara sebab projek dibatalkan ialah kos yang diperlukan melebihi siling projek dan memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan selaras dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan negeri. Daripada 89 projek yang dibatalkan, enam projek mempunyai peruntukan dan 83 projek tidak mempunyai peruntukan tahun 2020. Projek yang telah dibatalkan dan mempunyai peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
JUSTIFIKASI PEMBATALAN PROJEK
YANG MEMPUNYAI PERUNTUKAN DALAM RMKe-11

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	JUSTIFIKASI
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN				
1.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Kelinsing, Mukim Dengkil	4,700,000	800,000	Jajaran yang dicadangkan melibatkan kos pengambilan tanah yang tinggi antara RM11.60 juta hingga RM22.40 juta.
2.	Membina Kolum Tebatan Banjir di Kampung Delek Sungai Udang	3,800,000	1,000,000	Skop projek telah dilaksanakan melalui projek menaiktaraf saluran Jalan Yadi.
3.	Projek Tebatan Banjir di Kampung Rantau Panjang, Daerah Kuala Selangor.	3,000,000	500,000	Kos menyelesaikan banjir secara keseluruhan yang tinggi dan mencecah RM100 juta kerana cadangan menyeluruh melibatkan banyak pengambilan balik tanah.
4.	Menaik taraf Kolum Takungan Bujur di Taman Desa Baiduri, Mukim Cheras	3,300,000	720,000	Kawasan projek adalah di dalam lot individu dan dengan kos pengambilan balik tanah adalah terlalu tinggi, iaitu antara RM6.90 juta hingga RM61.70 juta.
5.	Kawalan Hakisan Tebing Pantai di Kawasan Pelabuhan Klang	2,000,000	200,000	Struktur di tapak sedia ada masih kukuh.
6.	Kawalan Hakisan Tebing Pantai di Kampung Sungai Kembong	2,000,000	199,000	Kerja menaiktaraf melibatkan lot-lot tanah persendirian dan akan melibatkan kos pengambilan tanah yang tinggi.
JUMLAH		18,800,000.00	3,419,000.00	

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor

8.3.2. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ditubuhkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan, caruman Akaun Hasil Disatukan dan Ses Pembangunan Hutan.
- b. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah mencatat defisit sebanyak RM1.50 juta pada tahun 2020 berbanding lebih banyak RM3.68 juta pada tahun 2019. Penerimaan berjumlah RM2.98 juta berbanding perbelanjaan yang tinggi berjumlah RM4.48 juta menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2020 menurun menjadi RM25.65 juta berbanding RM27.15 juta pada tahun 2019. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2020 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	27.15	23.47	3.68	15.7
Terimaan	2.98	8.89	(5.91)	(66.5)
Perbelanjaan	4.48	5.21	(0.73)	(14.0)
LEBIHAN/DEFISIT	(1.50)	3.68	(5.18)	(140.8)
BAKI PADA 31 DISEMBER	25.65	27.15	(1.50)	(5.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.3.3. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam negeri, Anggota Pentadbiran Negeri, Ahli Dewan Negeri Selangor dan staf Badan Berkanun Negeri (Lembaga Urus Air Selangor serta Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor) untuk membeli hartanah berupa tanah dan/atau rumah. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan. Unit Pinjaman, Perbendaharaan Negeri Selangor bertanggungjawab meluluskan pinjaman dan menyelenggara rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan.
- b. Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan menurun sebanyak RM3.56 juta (56.4%) daripada RM6.31 juta pada akhir tahun 2019 kepada RM2.75 juta pada akhir tahun 2020. Penurunan ini disebabkan oleh pinjaman diberi adalah melebihi tambahan caruman pinjaman, bayaran balik pokok dan faedah pinjaman sebanyak RM3.56 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	6.31	18.42	(12.11)	(65.7)
Tambahan Caruman Pinjaman	6.10	0.00	6.10	100.0
Bayaran Balik Pinjaman	30.97	38.09	(7.12)	(18.7)
Faedah Pinjaman	1.76	1.25	0.51	40.8
Pinjaman Diberi	42.39	51.45	(9.06)	(17.6)
BAKI PADA 31 DISEMBER	2.75	6.31	(3.56)	(56.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.3.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2020, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	(154.77)	(123.32)	(31.45)	25.5
Akaun Perniagaan	2.40	2.39	0.01	0.4
Akaun Pinjaman	205.28	191.23	14.05	7.3
Kumpulan Wang Luar Jangka	8.10	8.10	0.00	0.0
Pelbagai Kumpulan Wang (Termasuk Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri dan Akaun Kena Bayar)	994.46	952.74	41.72	4.4
JUMLAH	1,055.47	1,031.14	24.33	2.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- b. Pada akhir tahun 2020, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sebanyak RM24.33 juta (2.4%) kepada RM1.055 bilion berbanding RM1.031 juta pada tahun 2019. Pelbagai Kumpulan Wang berjumlah RM994.46 juta pada akhir tahun 2020 merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ini dengan lebih berjumlah RM41.72 juta berbanding tahun 2019. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh peningkatan urus niaga Tabung Warisan Negeri Selangor dan peruntukan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor masing-masing berjumlah RM38.32 juta dan RM30 juta pada tahun 2020. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri menurun sebanyak RM33.59 juta pada tahun 2020. Sementara itu, Akaun Penyelesaian yang berbaki debit telah meningkat sebanyak RM31.45 juta, antaranya disumbangkan oleh Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air sebanyak RM12.27 juta setiap tahun. Analisis Audit selanjutnya terhadap Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS), Akaun Penyelesaian dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:

i. Tabung Warisan Negeri Selangor

- TWNS diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 yang bertujuan membolehkan Kerajaan negeri mengasingkan sebahagian jumlah wang

daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Kedudukan TWNS pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN TABUNG WARISAN NEGERI SELANGOR
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Aset Semasa	66.80	111.23	(44.43)	(39.9)
Aset Bukan Semasa	622.73	539.97	82.75	15.3
JUMLAH ASET	689.53	651.20	38.33	5.9
Liabiliti Semasa	0.04	0.04	0.00	0.0
JUMLAH ASET BERSIH	689.49	651.16	38.33	5.9

Sumber: Penyata Kewangan Tabung Warisan Negeri Selangor Tahun 2020 dan 2019

- Pada tahun 2020, lebih tahun semasa berkurangan sebanyak RM5.18 juta (11.9%) menjadi RM38.33 juta berbanding RM43.50 juta pada tahun 2019. Penyumbang utama kepada penurunan baki tabung adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan sebanyak RM5.03 juta berbanding pendapatan sebanyak RM0.15 juta. Peningkatan perbelanjaan antaranya disebabkan oleh kerugian pelaburan yang direalisasikan daripada pencairan pelaburan mandat pengurusan berjumlah RM5.32 juta. Pencairan pelaburan ini merupakan satu *cut loss strategy* yang dilaksanakan bagi menstruktur dan mengembangkan semula potensi pelaburan dana TWNS. Pihak TWNS mengambil strategi untuk mengimbangi kedudukan pelaburan TWNS dengan memastikan pelaburan berisiko rendah dibuat dan dapat memberi pulangan pendapatan yang lebih stabil dalam situasi ekonomi masa kini.

ii. Akaun Penyelesaian

Arahan Perbendaharaan 153 menetapkan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian yang diwujudkan. Pada tahun 2020, Akaun Penyelesaian Cek Terbatal dan Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT tidak dilaporkan di bawah Akaun Penyelesaian tetapi dilaporkan di Akaun Deposit Pelarasan. Pengelasan ini adalah berdasarkan Carta Akaun Akruan Sistem iSPEKS. Pada akhir tahun 2020, tiga Akaun Penyelesaian masih tidak berbaki sifar. Akaun yang berkaitan dan penerangan adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
AKAUN PENYELESAIAN TIDAK BERBAKI SIFAR TAHUN 2020

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN		CATATAN
			(RM Juta)	(%)	
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	2.50	2.50	-	-	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957.
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	2.30	2.30	-	-	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan kepada Akaun Urus Niaga bagi 103 akaun di bawah Akaun Penyelesaian.
Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air	(159.57)	(171.85)	12.28	(7.1)	Pelarasan berperingkat sebanyak RM12.28 juta setiap tahun telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk dilaksanakan selama 20 tahun mulai tahun 2014 sehingga 2033. Akaun ini telah dilaraskan dengan RM12.28 juta bagi tahun 2020 di bawah Maksud Perbelanjaan Tanggungan T04 (Pelbagai di bawah Kod Belanja 42999 - Pemberian dan Bantuan Lain).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

iii. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri diwujudkan untuk mengaun pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Tujuan utama adalah bagi membiayai penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri.
- Panjang jalan negeri di Negeri Selangor menunjukkan peningkatan sebanyak 566.70 km dari 23,474.82 km pada tahun 2019 kepada 24,041.52 km pada tahun 2020. Peningkatan ini disebabkan oleh perkara berikut:
 - Kenaikan data jalan di bawah PBT melalui projek pencerapan data jalan raya bandaran, lorong belakang dan jalan kos perumahan murah yang dijalankan oleh pihak JKR Selangor bagi tujuan pendaftaran di sistem MARRIS.

- Pemutihan data jalan dalam sistem MARRIS oleh setiap agensi bagi memastikan tiada data lama dan pertindihan data berlaku yang dilaksanakan dari semasa ke semasa setiap tahun.
- Pada tahun 2020, terimaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah berjumlah RM546.18 juta terdiri daripada RM545.26 juta yang merupakan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan, manakala RM0.92 juta merupakan pelarasan jurnal penyaluran peruntukan. Pelarasan adalah disebabkan kesilapan penyaluran peruntukan kepada Pejabat Daerah Tanah Hulu Selangor pada tahun 2020. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri menurun sebanyak RM33.59 juta (20.7%) daripada RM162.63 juta pada tahun 2019 kepada RM129.04 juta pada tahun 2020. Penurunan ini disebabkan perbelanjaan pada tahun 2020 melebihi terimaan berjumlah RM33.59 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 41**.
- Terimaan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi kumpulan wang amanah pada tahun 2020 berjumlah RM545.26 juta meningkat sebanyak RM8.18 juta (1.5%) berbanding RM537.08 juta pada tahun 2019. Peningkatan pemberian ini adalah selaras dengan pertambahan bilangan jalan baru di Negeri Selangor yang didaftarkan dalam Sistem MARRIS *Online* melalui Projek Pencerapan Data oleh JKR Selangor.

JADUAL 41
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN NEGERI
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	162.63	155.84	6.79	4.4
Terimaan	546.18	540.09	6.09	1.1
Bayaran	579.77	533.30	46.47	8.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	129.04	162.63	(33.59)	(20.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

- Pada tahun 2020, prestasi perbelanjaan adalah 106.2% berbanding 98.7% pada tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2016 hingga 2020 dan peratus penggunaan (perbelanjaan berbanding terimaan) antara 96.5% hingga 145.6% adalah seperti **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN NEGERI PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGGUNAAN (%)
2016	526.85	496.90	653.10	370.65	131.4
2017	370.65	511.93	745.28	137.30	145.6
2018	137.30	527.16	508.62	155.84	96.5
2019	155.84	540.09	533.30	162.63	98.7
2020	162.63	546.18	579.77	129.04	106.2

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Awam (KWAA) mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada Kerajaan negeri, badan lain dan orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 55 akaun amanah awam yang berbaki RM310.79 juta. Baki ini menurun sebanyak RM65.47 juta (17.4%) berbanding RM376.26 juta pada tahun 2019. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 43**.

JADUAL 43
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	376.26	423.29	(47.03)	(11.1)
Terimaan	299.45	316.44	(16.99)	(5.37)
Bayaran	364.92	363.47	(1.45)	(0.39)
BAKI PADA 31 DISEMBER	310.79	376.26	(65.47)	(17.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

8.4.2. Pengurangan baki dalam Akaun Amanah Rumah Mampu Milik Negeri Selangor berjumlah RM75 juta dan Akaun Amanah Pembangunan Persimpangan Bertingkat dari Lebuhraya Persekutuan Ke Kawasan Pembangunan Seksyen 7 Shah Alam berjumlah RM10.70 juta merupakan penyumbang utama kepada penurunan baki KWAA pada tahun 2020. Bagaimanapun pada tahun 2020 terdapat dua akaun amanah baru diwujudkan.

8.4.3. Pekeliling Perbendaharaan (PP) – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.4 menetapkan akaun amanah awam yang telah mencapai maksud penubuhannya, tidak diperlukan lagi, tidak lagi aktif untuk tempoh setahun hendaklah ditutup. Pada tahun 2020, terdapat tiga akaun amanah awam ditutup.

8.4.4. Pengurusan Covid-19 Di Negeri Selangor

- a. Pengurusan Covid-19 di Negeri Selangor melibatkan 3 Akaun Amanah, iaitu Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor, Akaun Amanah Pakej Ransangan Ekonomi dan Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor. Akaun Amanah tersebut ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan bagi ketiga-tiga Akaun Amanah ini adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
TUJUAN PENUBUHAN AKAUN AMANAH

BIL.	AKAUN AMANAH	TUJUAN PENUBUHAN
1.	Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	Membiayai perbelanjaan bagi membantu kerja menyelamatkan dan kerja yang berkaitan dengannya serta bantuan kepada mangsa bencana, waris mangsa dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.
2.	Akaun Amanah Pakej Ransangan Ekonomi	Membiayai projek atau program yang dilaksanakan di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Negeri Selangor.
3.	Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor	Membiayai program-program bantuan dan kebajikan rakyat serta pemastautin Negeri Selangor yang telah menerima kesan dengan pandemik Virus Covid-19.

Sumber: Arahan Akaun Amanah Di Bawah Seksyen 9

- b. Terimaan tiga akaun amanah ini adalah terdiri daripada pemberian Kerajaan Persekutuan, Kerajaan negeri, sektor swasta, agensi/anak syarikat Kerajaan negeri dan Badan Berkanun, sumbangan orang awam dan sumbangan/derma daripada mana-mana badan, pertubuhan, yayasan atau orang perseorangan yang disampaikan kepada Kerajaan negeri.
- c. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah menerima peruntukan terkumpul sebanyak RM32.47 juta bagi menangani Covid-19. Peruntukan tersebut disumbangkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebanyak RM 5.30 juta, Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 15 juta, Kerajaan negeri dan Syarikat Kerajaan negeri sebanyak RM 7.19 juta serta sumbangan daripada syarikat swasta, orang awam dan penjawat awam sebanyak RM 4.98 juta. Sejumlah RM3.45 juta (65.1%) telah dibelanjakan di bawah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor menggunakan peruntukan daripada NADMA. Selain itu, sebanyak RM16.53 juta juga telah dibelanjakan untuk Pakej Ransangan Ekonomi dengan menggunakan peruntukan

Kerajaan Persekutuan sebanyak RM13.90 juta (92.7%) serta Kerajaan negeri dan Syarikat Kerajaan sebanyak RM2.63 juta (36.6%). Sumbangan syarikat swasta, orang awam dan penjawat awam juga telah dibelanjakan sebanyak RM4.79 juta (96.2%) bagi membiayai aktiviti/program di bawah Tabung Khas Bantuan Covid-19 di Negeri Selangor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
TERIMAAN DAN PERBELANJAAN MENANGANI COVID-19 PADA TAHUN 2020

BIL.	AKAUN AMANAH	AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA (NADMA)	KERAJAAN PERSEKUTUAN	KERAJAAN NEGERI/ ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	SYARIKAT SWASTA/ ORANG AWAM/ PENJAWAT AWAM
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
PERUNTUKAN					
1.	Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	5.27	-	-	-
2.	Akaun Amanah Pakej Ransangan Ekonomi	0.03	15.00	7.19	-
3.	Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor	-	-	-	4.98
JUMLAH TERIMAAN		5.30	15.00	7.19	4.98
PERBELANJAAN					
1.	Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor	3.45	-	-	-
2.	Akaun Amanah Pakej Ransangan Ekonomi	-	13.90	2.63	-
3.	Akaun Amanah Tabung Khas Bantuan Covid-19 Kerajaan Negeri Selangor	-	-	-	4.79
JUMLAH PERBELANJAAN		3.45	13.90	2.63	4.79
PENGGUNAAN (%)		65.1	92.7	36.6	96.2

Sumber: Unit Pengurusan Bencana SUK, Seksyen Makro dan Penswastaaan SUK dan Bahagian Khidmat Pengurusan Perbendaharaan Negeri Selangor

Nota: SUK - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

- d. Peruntukan tersebut telah disalurkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah di sembilan Pejabat Daerah dan Tanah. Peruntukan ini disalurkan bagi tujuan Kempen Pembudayaan Norma Baharu (Covid-19), logistik urusetia pengurusan bencana dan petugas bilik gerakan, bantuan program agihan makanan asas, kerja kecemasan penyelenggaraan di stesen kuarantin dan elaun kepada Jawatankuasa *Task Force* Covid-19, Insentif *One Off* kepada penjaja dan petugas barisan hadapan di Hospital Negeri Selangor, Pemberian Geran Insentif kepada agensi Kerajaan negeri dan Program Sumbangan Kepada Golongan Asnaf Yang Terkesan Akibat Covid-19 serta sewaan basikal dan jetski untuk kegunaan Polis Diraja Malaysia dalam Ops Benteng.

8.5. Akaun Deposit

8.5.1. Akaun Deposit diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai serta merupakan akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada tahun 2020, Perbendaharaan Negeri Selangor mula mengguna pakai iSPEKS bagi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan negeri dan melibatkan perubahan pada carta akaun deposit. Carta Akaun Akruan iSPEKS telah mengelaskan semula akaun deposit kepada tiga jenis pengelasan, iaitu Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan berbanding hanya dua pengelasan akaun deposit, iaitu Deposit Am dan Deposit Pelarasan pada tahun sebelumnya.

8.5.2. Bilangan akaun deposit bagi tahun 2019 yang dibawa pada Penyata Kewangan tahun 2020 telah berkurangan daripada 20 akaun kepada 18 akaun deposit kerana Akaun Deposit Cagaran JKR (79515) dan Akaun Cagaran (79503) telah digabungkan dan dinamakan sebagai Akaun Cagaran (70103). Pada akhir tahun 2020, Kerajaan negeri mempunyai 24 Akaun deposit, iaitu pertambahan enam akaun deposit yang terdiri daripada satu akaun deposit yang digabungkan, tiga akaun deposit baru dan dua deposit yang dipindahkan daripada Akaun Amanah Kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
PENGELASAN SEMULA AKAUN DEPOSIT BERDASARKAN
CARTA AKAUN AKRUAN SISTEM ISPEKS

BUTIRAN	TAHUN 2019 (SISTEM SPEKS)	TAHUN 2020 (PENGELASAN SEMULA CARTA AKAUN AKRUAN SISTEM ISPEKS)	CATATAN
Deposit Am	Akaun Cagaran	Akaun Cagaran	Deposit yang digabungkan pada tahun 2020
	Akaun Deposit Cagaran JKR Selangor		
	Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	Akaun Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	
	Akaun Deposit Lelong	Akaun Deposit Lelong	
	Akaun Deposit Wang Gantirugi 'LAD'	Pengelasan Semula ke Deposit Khusus	
	Akaun Deposit Perintah Bersaling		
	Akaun Deposit Sewaan		
	Akaun Deposit Tanah		
	Akaun Deposit Sistem Kultur Laut		
	Deposit Padang Ragut/Reban Ayam		
	Deposit Blok Sementara		
	Pelbagai Deposit Am:		
	Akaun Deposit Tender	Akaun Deposit Tender	
	Akaun Cagaran Kantin	Akaun Cagaran Kantin	
Akaun Cagaran Sewa Bangunan	Akaun Cagaran Sewa Bangunan		

BUTIRAN	TAHUN 2019 (SISTEM SPEKS)	TAHUN 2020 (PENGLASAN SEMULA CARTA AKAUN AKRUAN SISTEM ISPEKS)	CATATAN
	Akaun Deposit Kuarters Kerajaan Negeri	Akaun Deposit Kuarters Kerajaan Negeri	
	Deposit Jaminan Pengembalian Sementara Barang Rampasan	Deposit Jaminan Pengembalian Sementara Barang Rampasan	
	Akaun Deposit Cukai Hiburan	Akaun Deposit Cukai Hiburan	
	Deposit Pampasan Pengambilan Tanah	Pengelasan Semula Ke Deposit Khusus	
	TIADA	Deposit Am Yang Lain	Deposit Baru
	TIADA	Deposit Sewa Rumah Kerajaan	Deposit Baru
Deposit Khusus	TIADA	Akaun Deposit Wang Gantirugi 'LAD'	Pengelasan semula dari Deposit Am
		Akaun Deposit Perintah Bersaling	
		Deposit Sewa Rumah (Akaun Deposit Sewaan)	
		Deposit Pejabat Tanah (Akaun Deposit Tanah)	
		Akaun Deposit Sistem Kultur Laut	
		Deposit Cukai Tanah Kerajaan (Deposit Padang Ragut/Reban Ayam)	
		Deposit Pemaju Perumahan (Deposit Blok Sementara)	
		Deposit Pampasan (Deposit Pampasan Pengambilan Tanah)	
		Deposit Premium Tanah	Deposit Baru
Deposit Pelarasan	Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	Terimaan Yang Tidak Diperuntukkan	
	Bayaran Denda	Bayaran Denda	
	TIADA	Deposit Pelarasan Cek Terbatal	Pindahan dari Akaun Amanah Kerajaan
	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

8.5.3. Analisis perubahan yang dibuat adalah berdasarkan perbandingan antara Penyata Kewangan Tahun 2020 yang disediakan menggunakan iSPEKS dengan Penyata Kewangan Tahun 2019 yang telah diaudit. Bagaimanapun, terdapat perbezaan baki deposit pada tahun 2019 dalam Penyata Kewangan Tahun 2020 dengan baki di Penyata Kewangan Tahun 2019 yang telah diaudit. Perbezaan sebanyak RM43.73 juta adalah disebabkan pengelasan semula dua akaun deposit daripada Akaun Amanah Kerajaan ke Akaun Deposit. Kedudukan Akaun Deposit pada tahun 2020 berbanding Penyata Kewangan tahun 2019 yang telah diaudit adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	557.64	378.92	178.72	47.2
Deposit Khusus	41.97	2.57	39.40	1,533.1
Deposit Pelarasan	17.43	45.85	(28.42)	(62.0)
JUMLAH	617.04	427.34	189.70	44.4


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019 yang telah diaudit

8.5.4. Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah meningkat sebanyak RM189.70 juta kepada RM617.04 juta pada tahun 2020 berbanding RM427.34 juta pada tahun 2019. Penyumbang utama adalah peningkatan baki Akaun Deposit Lelong (70109) yang menunjukkan pertambahan sebanyak RM146.22 juta (83.3%) dan Deposit Premium Tanah (70230) yang diterima pada tahun 2020 berjumlah RM48.79 juta. Selain itu, Akaun Deposit Wang Gantirugi 'LAD' (70223) menunjukkan penurunan ketara sebanyak RM0.34 juta (100%) menjadikan Akaun Deposit Wang Gantirugi 'LAD' pada tahun 2020 berbaki sifar.

8.5.5. Deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Sehingga 31 Disember 2020, baki terkumpul deposit tahun lalu yang telah mencapai tujuannya/tidak diperlukan telah berkurangan sebanyak RM91.69 juta menjadikan baki terkumpul deposit tahun lalu hanya berbaki RM291.92 juta. Deposit Pelarasan Cek Terbatal dan Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal telah berkurangan sebanyak RM29.72 juta menjadikan baki terkumpul deposit tahun lalu hanya berbaki RM14.01 juta berbanding baki awal tahun 2020 berjumlah RM43.73 juta.

8.5.6. Baki Akaun Deposit menunjukkan peningkatan setiap tahun disebabkan oleh peletakan deposit tahun 2020 sebanyak RM309.40 juta. Analisis trend Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Carta 10**.

CARTA 10
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti Kerajaan negeri terdiri daripada hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 adalah berjumlah RM1.124 bilion, iaitu penurunan sebanyak RM66.71 juta (5.6%) berbanding RM1.191 bilion pada tahun 2019. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 48**.

JADUAL 48
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

KATEGORI PEMINJAM	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	91.40	72.00	19.40	26.9
Pihak Berkuasa Tempatan	68.28	82.23	(13.95)	(16.9)
Badan-badan Lain	964.70	1,036.86	(72.16)	(6.9)
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,124.38	1,191.09	(66.71)	(5.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.1.2. Penurunan baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM66.71 juta pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah disebabkan penyaluran pembiayaan pinjaman berjumlah RM129.30 juta serta faedah yang dikenakan berjumlah RM3.50 juta adalah lebih rendah berbanding penerimaan bayaran balik dan pelarasan berjumlah RM199.51 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 49
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2020

AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2020 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA/PINDAHAN (RM Juta)	FAEDAH DIKENAKAN DALAM TAHUN 2020 (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ PELARASAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2020 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	72.00	30.00	1.50	12.10	91.40
JUMLAH	72.00	30.00	1.50	12.10	91.40
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
Majlis Bandaraya Shah Alam	27.94	-	-	1.86	26.08
Majlis Perbandaran Subang Jaya	16.74	-	0.17	2.59	14.32
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	12.47	-	-	7.60	4.87
Majlis Daerah Kuala Selangor	11.08	-	-	1.38	9.70
Majlis Daerah Sabak Bernam	7.40	-	-	0.88	6.52
Majlis Daerah Kuala Langat	5.08	0.21	-	1.66	3.63
Majlis Perbandaran Kajang	1.52	2.05	0.03	0.44	3.16
JUMLAH	82.23	2.26	0.20	16.41	68.28
BADAN-BADAN LAIN					
Mantapmurni Sdn. Bhd.	258.20	-	-	120.00	138.20
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	244.33	-	1.03	1.03	244.33
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	226.26	55.66	-	33.22	248.70
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	92.89	-	-	-	92.89
Yayasan Hijrah Selangor	62.50	30.00	-	12.50	80.00
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	48.93	-	1.80	1.80	48.93
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	24.00	-	-	-	24.00
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	23.72	9.48	-	-	33.20
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	22.67	1.90	-	-	24.57
Yayasan Selangor	15.81	-	-	3.00	12.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	13.44	-	-	0.48	12.96
Kolej Antarabangsa INPENS	4.11	-	-	-	4.11
JUMLAH	1,036.86	97.04	2.83	172.03	964.70
JUMLAH KESELURUHAN	1,191.09	129.30	3.50	199.51	1,124.38

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

9.1.3. Analisis Audit terhadap baki kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2020 mendapati perkara berikut:

- a. pada tahun 2020, Kerajaan negeri telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM129.30 juta. Sebanyak RM60 juta disalurkan untuk dua pinjaman baharu, manakala RM69.30 juta disalurkan untuk lima pinjaman lama. Penyaluran pinjaman baharu adalah untuk tujuan dana tambahan pelaksanaan Program Hijrah Selangor sebanyak RM30 juta dan Pengurusan Aliran Tunai Tahun Kewangan Tahun 2020 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sebanyak RM30 juta.
- b. sebanyak RM153.22 juta (76.8%) daripada RM199.51 juta bayaran balik/pelarasan merupakan bayaran balik pinjaman. Selain itu, baki sebanyak RM46.29 juta (23.2%) adalah merupakan pelarasan bagi penjadualan semula dan pelupusan pinjaman.

9.1.4. Analisis trend kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2016 hingga 2020 menunjukkan baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat dari tahun 2016 hingga 2018 sebelum menurun pada tahun 2019 dan 2020. Trend kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 50** dan **Carta 11**.


JADUAL 50
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

AGENSI PEMINJAM	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	88.00	88.00	72.00	72.00	91.40
JUMLAH	88.00	88.00	72.00	72.00	91.40
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
Majlis Bandaraya Shah Alam	2.90	1.67	19.85	27.94	26.08
Majlis Perbandaran Subang Jaya	18.82	23.83	18.12	16.74	14.32
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	25.16	24.33	19.47	12.47	4.87
Majlis Daerah Kuala Selangor	13.85	13.85	12.46	11.08	9.70
Majlis Daerah Sabak Bernam	8.51	8.96	8.16	7.40	6.52
Majlis Daerah Kuala Langat	-	-	4.19	5.08	3.63
Majlis Perbandaran Kajang	6.85	4.54	2.32	1.52	3.16
JUMLAH	76.09	77.18	84.57	82.23	68.28
BADAN-BADAN LAIN					
Mantapmurni Sdn. Bhd.	-	-	-	258.20	138.20
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	658.07	657.37	668.03	244.33	244.33
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	33.22	88.22	188.22	226.26	248.70
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	58.10	100.85	106.08	92.89	92.89
Yayasan Hijrah Selangor	-	50.00	37.50	62.50	80.00
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	3.93	36.56	48.93	48.93	48.93

AGENCI PEMINJAM	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	28.00	26.00	24.00	24.00	24.00
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	-	7.70	8.76	23.72	33.20
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	5.91	10.68	18.07	22.67	24.57
Yayasan Selangor	24.81	21.81	18.81	15.81	12.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14.34	14.34	13.92	13.44	12.96
Kolej Antarabangsa INPENS	1.21	4.18	4.21	4.11	4.11
JUMLAH	827.59	1,017.71	1,136.53	1,036.86	964.70
BAKI PADA 31 DISEMBER	991.68	1,182.89	1,293.10	1,191.09	1,124.38

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

CARTA 11
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

9.1.5. Analisis Audit selanjutnya mendapati tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh dituntut bertambah sebanyak RM3.21 juta (3.5%) kesan daripada peningkatan tunggakan yang dicatatkan oleh Badan Berkanun Negeri. Faktor utama yang menyebabkan peningkatan tunggakan pinjaman adalah kerana PKNS tidak membuat bayaran pokok dan faedah mengikut jadual pada tahun 2020 berjumlah RM30.40 juta. Penurunan tunggakan Badan-badan Lain pula antaranya disebabkan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. telah menyelesaikan keseluruhan tunggakan 2019. Perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut antara tahun 2020 dengan 2019 seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

AGENSI PEMINJAM	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	30.40	-	30.40	100.0
Pihak Berkuasa Tempatan	11.22	12.60	(1.38)	(10.9)
Badan-badan Lain	54.06	79.87	(25.81)	(32.3)
JUMLAH	95.68	92.47	3.21	3.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019


9.1.6. Analisis trend kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Lain bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 dan pergerakan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 52** dan **Carta 12**.

JADUAL 52
TREND TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

AGENSI PEMINJAM	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri	10.36	-	-	-	30.40
Pihak Berkuasa Tempatan	10.12	17.16	14.67	12.60	11.21
Badan-badan Lain	54.68	60.74	491.24	79.87	54.07
JUMLAH	75.16	77.90	505.91	92.47	95.68

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

CARTA 12
TREND TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 hingga 2020

9.1.7. Pergerakan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 53** dan **Carta 13**.

JADUAL 53
PERGERAKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA TAHUN 2020

AGENSI PEMINJAM	TUNGGAKAN 1.1.2020 (RM Juta)	ANJITI TAHUNAN (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2020 (RM Juta)	PELARASAN /PINDAHAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2020 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI						
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	-	30.40	30.40	-	-	30.40
JUMLAH	-	30.40	30.40	-	-	30.40
PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
Majlis Daerah Sabak Bernam	1.52	0.88	2.40	0.76	0.12	1.52
Majlis Daerah Kuala Selangor	11.08	-	11.08	1.39	-	9.69
JUMLAH	12.60	0.88	13.48	2.15	0.12	11.21
BADAN-BADAN LAIN						
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	33.22	-	33.22	33.22	-	-
Yayasan Selangor	15.81	-	15.81	3.00	-	12.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	13.44	-	13.44	0.48	-	12.96
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	9.00	10.80	19.80	-	1.80	18.00
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	6.20	6.20	12.40	6.20	-	6.20
Konsortium ABBAS Sdn. Bhd.	2.00	2.00	4.00	-	-	4.00
Kolej Antarabangsa INPENS	0.20	0.10	0.30	0.20	-	0.10
JUMLAH	79.87	49.50	129.37	43.10	1.80	54.07
JUMLAH KESELURUHAN	92.47	50.38	142.85	45.25	1.92	95.68

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri dalam syarikat melalui Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2020 dalam sembilan syarikat adalah berjumlah RM191.10 juta. Jumlah pelaburan ini tidak berubah bagi lima tahun berturut-turut sejak dari tahun 2016 hingga 2020 seperti dalam **Jadual 54**.

JADUAL 54
KEDUDUKAN PELABURAN MELALUI MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)
PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020

SYARIKAT	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	104.06	104.06	104.06	104.06	104.06
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB)	60.64	60.64	60.64	60.64	60.64
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00
Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM)	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Invest Selangor Berhad (ISB)	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Tourism Selangor Sdn. Bhd.	0.30	0.30	0.30	0.30	0.30
Rantaian Mesra Sdn. Bhd.*	-	-	-	-	-
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.* (KSSB)	-	-	-	-	-
JUMLAH	191.10	191.10	191.10	191.10	191.10

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

9.2.2. Tiada pembayaran dividen dibuat kepada Kerajaan negeri pada tahun 2020. Dividen terkumpul yang diterima mulai tahun 2016 hingga 2020 berjumlah RM81,957 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
DIVIDEN DITERIMA TAHUN 2016 HINGGA 2020

TAHUN	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	DIVIDEN DITERIMA		SYARIKAT YANG MEMBAYAR
		JUMLAH (RM)	TAHUN KEWANGAN	
2016	191.10	14,572	2009, 2013, 2014	PERNAS
2017	191.10	-	-	-
2018	191.10	67,385	2016 dan 2017	PERNAS
2019	191.10	-	-	-
2020	191.10	-	-	-
JUMLAH		81,957		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

9.2.3. Pada tahun 2020, Kerajaan negeri tidak menerima apa-apa pembayaran dividen tunai daripada anak syarikat. Bagaimanapun, MBI dan tiga anak syarikatnya, iaitu PNSB, KSSB dan KDEB telah memberi pelbagai sumbangan berjumlah RM12.74 juta untuk menjayakan program dan aktiviti Kerajaan Negeri Selangor. PNSB merupakan penyumbang tertinggi berjumlah RM7.50 juta, manakala 6 syarikat lain, iaitu PIYSB, PERNAS, DEFM, ISB, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. yang tidak membayar dividen merupakan syarikat bukan berorientasikan keuntungan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 56**.

JADUAL 56
SUMBANGAN DITERIMA PADA TAHUN 2020

SYARIKAT	BENTUK SUMBANGAN		
	SAMBUTAN PERAYAAN (RM Juta)	SUMBANGAN LAIN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
MBI	1.00	-	1.00
PNSB	-	7.50	7.50
KSSB	0.50	3.50	4.00
KDEB	0.24	-	0.24
JUMLAH	1.74	11.00	12.74

Sumber: Penerimaan Menteri Besar

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2020 berbanding tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BIL.	BUTIRAN	2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	1,084.76	1,084.76	-	-
2.	Amanah Saham Selangor	6.87	8.42	(1.55)	(18.4)
3.	Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	13.16	17.22	(4.06)	(23.6)
	JUMLAH	1,104.79	1,110.40	(5.61)	(0.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020 dan 2019

9.3.2. Pada tahun 2020, Hutang Awam telah mencatatkan penurunan sebanyak RM5.61 juta (0.5%) kepada RM1.104 bilion berbanding RM1.110 bilion pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan bayaran balik pokok hutang bagi Amanah Saham Selangor dan Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sg. Way, Petaling Jaya masing-masing berjumlah RM1.55 juta dan RM4.06 juta serta faedah atas pinjaman berjumlah RM1.03 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 58**.

JADUAL 58
PERGERAKAN HUTANG AWAM TAHUN 2020

BUTIRAN	BAKI PADA 1 JANUARI 2020 (RM Juta)	TERIMAAN PINJAMAN (RM Juta)	BAYARAN POKOK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER 2020 (RM Juta)
PROJEK BEKALAN AIR				
a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (No. Pinjaman: 110B/2012/041)	27.00	-	-	27.00
b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2011/050)	39.34	-	-	39.34
c. Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor (No. Pinjaman: 110B/2011/051)	657.68	-	-	657.68
d. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2012/038)	66.94	-	-	66.94
e. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (No. Pinjaman: 110B/2012/039)	81.00	-	-	81.00
f. Projek Skim Pemindahan Pukul Rasa (No. Pinjaman: 110B/2012/040)	37.90	-	-	37.90
g. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1) (No. Pinjaman: 110B/2016/001)	20.17	-	-	20.17
h. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) Bukit Badong. (No. Pinjaman: 110B/2016/002)	67.07	-	-	67.07
i. Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Langat (No. Pinjaman: 110B/2016/056)	48.18	-	-	48.18
j. Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaik Taraf Rumah Pam) (No. Pinjaman: 110B/2016/057)	39.48	-	-	39.48
JUMLAH	1,084.76	-	-	1,084.76
Amanah Saham Selangor	8.42	-	1.55	6.87
Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	17.22	-	4.06	13.16
JUMLAH KESELURUHAN	1,110.40	-	5.61	1,104.79

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020

Nota: RM5.61 juta + RM1.03 juta (Faedah Pinjaman) = RM6.64 juta

9.3.3. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 hingga 2020 tidak mengalami perubahan yang ketara seperti dalam **Carta 13**.

CARTA 13
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2016 HINGGA 2020



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

9.3.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2016 hingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 59**.

JADUAL 59
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM TAHUN 2016 HINGGA 2020

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
1. Projek Bekalan Air	14.67	13.86	-	28.55	59.52
2. Perumahan Awam Kos Rendah	-	-	-	-	-
JUMLAH	14.67	13.86	0.00	28.55	59.52

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016 Hingga 2020

9.3.5. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam mulai menurun dari tahun 2016 hingga 2018. Bagaimanapun pada akhir tahun 2019, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menunjukkan peningkatan ketara berjumlah RM28.55 juta sehingga mencapai RM59.52 juta pada akhir tahun 2020 bagi projek bekalan air. Tunggakan ini adalah disebabkan tiada bayaran balik dibuat pada tahun 2020 kerana hutang Projek Bekalan Air telah dinovasikan daripada Kerajaan negeri kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) selaras dengan perjanjian yang dimeterai bersama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, PAAB dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa perkara lain yang melibatkan penstrukturan semula masih dalam tindakan menyebabkan baki hutang Kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan tidak dapat dipindahkan sepenuhnya kepada PAAB. Baki hutang semasa telah diambil kira untuk tujuan pindahan dan akan dimuktamadkan dalam tahun 2021.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah wang yang sepatutnya diterima oleh kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. ABT terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Pada tahun 2020, baki ABT berjumlah RM482.09 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM33.49 juta (7.5%) berbanding RM448.60 juta pada tahun 2019. Kedudukan ABT pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 60**.

JADUAL 60
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

BUTIRAN		2020 (RM)	2019 (RM)	PERUBAHAN	
				(RM)	(%)
TUNGGAKAN HASIL					
1.	Cukai Tanah dan Cukai Petak	383,977,272	348,786,293	35,190,979	10.1
2.	Hasil-hasil lain	1,252,577	986,384	266,193	27.0
3.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	4,416,137	3,514,891	901,246	25.6
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	91,331	97,240	(5,909)	(6.1)
5.	Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut:				
	a. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	400,000	-	400,000	100.0
	b. Kumpulan Darul Ehsan Berhad	2,195,551	2,195,551	-	-
JUMLAH		392,332,868	355,580,359	36,752,509	10.3
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN					
1.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,124,284	1,545,292	(421,008)	(27.2)
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: Seksyen Sektor (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	706,084	723,840	(17,756)	(2.5)
3.	Pinjaman Boleh Dituntut:				
	a. Yayasan Selangor	9,806,698	15,806,698	(6,000,000)	(38.0)
	b. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	30,000,000	-	30,000,000	100.0
	c. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	12,480,000	13,440,000	(960,000)	(7.1)
	d. Majlis Daerah Sabak Bernam	760,000	1,520,000	(760,000)	(50.0)

BUTIRAN	2020 (RM)	2019 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
e. Majlis Daerah Kuala Selangor	8,310,000	11,080,000	(2,770,000)	(25.0)
f. Kumpulan Darul Ehsan Berhad	4,000,000	4,000,000	-	-
g. Institut Pendidikan Negeri Selangor	100,000	200,000	(100,000)	(50.0)
h. Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	-	33,224,219	(33,224,219)	(100.0)
i. KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	18,000,000	9,000,000	9,000,000	100.0
j. Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	4,000,000	2,000,000	2,000,000	100.0
k. Majlis Bandaraya Subang Jaya	(87,253)	-	(87,253)	(100.0)
JUMLAH	89,199,813	92,540,049	(3,340,236)	(3.6)
TUNGGAKAN HUTANG LAIN				
1. Jabatan Agama Islam	164,385	166,787	(2,402)	(1.4)
2. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri	228,470	194,800	33,670	17.3
3. Pejabat Tanah dan Galian	21,947	21,947	-	-
4. Pejabat Daerah dan Tanah Klang	16,588	12,020	4,568	38.0
5. Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	12,796	646	12,150	1,880.8
6. Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat	-	1,925	(1,925)	(100.0)
7. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Khidmat Pengurusan	13,161	19,796	(6,635)	(33.5)
8. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	33,211	27,101	6,110	22.5
9. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	29,554	14,599	14,955	102.4
10. Jabatan Perancang Bandar dan Desa	26,242	22,960	3,282	14.3
11. Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor	8,250	-	8,250	100.0
12. Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling	4,111	-	4,111	100.0
13. Istana Alam Shah	1,904	-	1,904	100.0
JUMLAH	560,619	482,581	78,038	16.2
JUMLAH KESELURUHAN	482,093,300	448,602,989	33,490,311	7.5

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.2. Penyumbang utama kepada peningkatan tunggakan hasil adalah cukai tanah dan cukai petak. Peningkatan ini disebabkan pelaksanaan karnival tanah oleh Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) terpaksa dibatalkan kesan daripada pandemik Covid-19. Karnival ini menawarkan pengecualian fi tunggakan yang dinantikan oleh pembayar cukai terutama syarikat. Selain itu, pelaksanaan PKP turut menyebabkan kutipan dari pintu ke pintu dan van bergerak tidak dapat beroperasi sepenuhnya.

10.1.3. Tunggakan cukai tanah dan cukai petak tahun 2020 telah meningkat sebanyak RM35.19 juta (10.1%) berbanding tahun 2019. Penyumbang utama kepada peningkatan cukai tanah dan cukai petak tahun 2020 adalah Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan Pejabat Daerah dan Tanah Gombak masing-masing sebanyak RM12.65 juta dan RM11.26 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh isu pandemik COVID-


19 yang menyebabkan pembayar cukai antaranya syarikat menghadapi kemerosotan kewangan dan menjadi punca tunggakan cukai. Kedudukan tunggakan cukai tanah dan cukai petak mengikut Pejabat Daerah dan Tanah pada tahun 2020 berbanding 2019 adalah seperti dalam **Jadual 61** dan **Carta 14**.

JADUAL 61
TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK MENGIKUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

PEJABAT DAERAH DAN TANAH		2020 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Petaling	142.05	129.40	12.65	9.8
2.	Gombak	62.41	51.15	11.26	22.0
3.	Klang	59.01	56.99	2.02	3.5
4.	Hulu Langat	45.24	40.64	4.60	11.3
5.	Hulu Selangor	39.52	42.03	(2.51)	(6.0)
6.	Sepang	18.42	12.32	6.10	49.5
7.	Kuala Selangor	8.96	9.67	(0.71)	(7.3)
8.	Kuala Langat	7.27	5.58	1.69	30.3
9.	Sabak Bernam	1.10	1.01	0.09	8.9
JUMLAH		383.98	348.79	35.19	10.1

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

CARTA 14
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK
PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.4. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan ABT pada tahun 2020 berjumlah RM482.09 juta, sebanyak RM179.83 juta merupakan ABT yang melebihi enam tahun seperti dalam **Jadual 62**.

JADUAL 62
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
MELEBIHI ENAM (6) TAHUN PADA AKHIR TAHUN 2020 BERBANDING 2019

KATEGORI/JABATAN	ABT MELEBIHI 6 TAHUN		PERUBAHAN		
	2020 (RM)	2019 (RM)	(RM)	(%)	
TUNGGAKAN HASIL					
1.	Cukai Tanah dan Cukai Petak	159,260,110	157,881,961	1,378,149	0.9
2.	Hasil-hasil lain	177,385	94,244	83,141	88.2
3.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	4,295,660	3,486,145	809,515	23.2
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektor (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	67,356	69,340	(1,984)	(2.9)
JUMLAH		163,800,511	161,531,690	2,268,821	1.4
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN					
1.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	712,899	1,205,988	(493,089)	(40.9)
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektor (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	706,084	723,840	(17,756)	(2.5)
3.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) -Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut	14,372,514	4,410,000	9,962,514	225.9
JUMLAH		15,791,497	6,339,828	9,451,669	149.1
TUNGGAKAN HUTANG LAIN					
1.	Jabatan Agama Islam	164,385	-	164,385	100.0
2.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	21,947	21,947	-	-
3.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	7,422	892	6,530	732.1
4.	Jabatan Kehakiman Tinggi Syariah, Shah Alam	38,900	4,200	34,700	826.2
5.	Pejabat Daerah/Tanah Klang	2,316	-	2,316	100.0
JUMLAH		234,970	27,039	207,931	769.0
JUMLAH KESELURUHAN		179,826,978	167,898,557	11,928,421	7.1

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.5. Berdasarkan jadual di atas, ABT melebihi enam tahun telah meningkat sebanyak RM11.93 juta (7.1%) daripada RM167.90 juta pada tahun 2019 kepada RM179.83 juta. Penyumbang utama adalah disebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman yang dibuat oleh Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SSI) masih dalam tempoh hapus kira. Baki

pinjaman kekal sebagai rekod tunggakan selagi mana hapus kira tidak selesai. Kedudukan ABT mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 63**.

JADUAL 63
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA AKHIR TAHUN 2020
MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN

BIL.	KATEGORI/JABATAN	1 TAHUN (RM)	1 – 3 TAHUN (RM)	3 – 6 TAHUN (RM)	> 6 TAHUN (RM)
TUNGGAKAN HASIL					
1.	Cukai Tanah dan Cukai Petak	88,717,786	89,793,882	46,205,494	159,260,110
2.	Lain-lain Hasil	192,030	505,955	377,207	177,385
3.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/ Kenderaan /Komputer	77,565	41,423	1,488	4,295,660
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri:	-	-	21,375	-
	Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Kuarters)	-	-	-	-
	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Taska)	2,600	-	-	-
	Seksyen Sektor (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	-	-	-	67,356
5.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman)- Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	2,595,551	-	-	-
JUMLAH		91,585,532	90,341,260	46,605,564	163,800,511
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN					
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektor (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	-	-	-	706,084
2.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman)-Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	58,691,360	10,888,086	3,417,486	14,372,514
3.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan /Komputer	127,204	276,590	7,591	712,899
JUMLAH		58,818,564	11,164,676	3,425,077	15,791,497
TUNGGAKAN HUTANG LAIN					
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	10,460	1,273	2,538	2,316
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	12,796	-	-	-
3.	Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor	8,250	-	-	-
4.	Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling	-	4,111	-	-
5.	Pejabat Tanah dan Galian Selangor	-	-	-	21,947

BIL.	KATEGORI/JABATAN	1 TAHUN (RM)	1 – 3 TAHUN (RM)	3 – 6 TAHUN (RM)	> 6 TAHUN (RM)
6.	Jabatan Agama Islam	-	-	-	164,385
	Mahkamah Tinggi Syariah Negeri	37,420	34,500	117,650	38,900
7.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri:				
	Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Kewangan) - Pendahuluan Diri	-	-	13,161	-
8.	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	12,508	20,704	-
9.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	4,441	25,113	-	-
10.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor	-	2,978	15,842	7,422
11.	Istana Alam Shah	-	1,904	-	-
JUMLAH		73,367	82,387	169,895	234,970
JUMLAH KESELURUHAN		150,477,463	101,588,323	50,200,536	179,826,978

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

11.1. Baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM303.36 juta (14.2%), iaitu daripada RM2.142 bilion pada tahun 2019 menjadi RM2.445 bilion;

11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatat lebih sebanyak RM116.13 juta berbanding defisit pada tahun 2019 berjumlah RM195.80 juta. Dengan itu, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2020 meningkat kepada RM383.42 juta;

11.3. kutipan hasil menunjukkan penurunan sebanyak RM62.52 juta, iaitu daripada RM2.320 bilion pada tahun 2019 menjadi RM2.258 bilion pada tahun 2020. Perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM2.142 bilion, iaitu menurun sebanyak RM374.45 juta (14.9%) berbanding RM2.516 bilion pada tahun 2019;

11.4. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM66.71 juta (5.6%) manakala tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM3.21 juta (3.5%);

11.5. Hutang Awam menurun sebanyak RM5.61 juta (0.5%) pada tahun 2020 manakala tunggakan Hutang Awam meningkat kepada RM59.52 juta (108.5%) berbanding RM28.55 juta pada tahun 2019;

11.6. Akaun Belum Terima berjumlah RM482.09 juta, meningkat sebanyak RM33.49 juta (7.5%) berbanding RM448.60 juta pada tahun 2019. Tunggakan cukai tanah dan cukai petak meningkat sebanyak RM35.19 juta (10.1%); dan

11.7. prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 bagi tahun 2020 adalah baik yang mana RM943.77 juta (90.9%) telah dibelanjakan berbanding RM1.038 bilion yang diperuntukkan. Sehingga akhir tahun 2020, sebanyak 131 projek (41%) telah disiapkan, 65 projek (20.4%) sedang dalam pelaksanaan dan 123 projek (38.6%) belum mula/dalam perancangan/batal.

12. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara berikut:

12.1. meningkatkan usaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain daripada jabatan/agensi kerajaan;

12.2. memastikan semua jabatan negeri mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP 58(a); dan

12.3. meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.



BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2021, sebanyak 23 daripada 26 penyata kewangan agensi Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah dikemukakan untuk diaudit. Sebanyak tiga penyata kewangan masih belum diterima.
- Lima BBN, lima PBT dan MAIS telah mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2021. Lima BBN dan empat PBT telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 Jun 2021 manakala tiga PBT telah mengemukakan penyata kewangan selepas 30 Jun 2021.
- Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara tidak dilaporkan pada kali ini kerana hanya dua penyata kewangan agensi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 telah disahkan. Baki 21 penyata kewangan agensi negeri masih dalam proses pengauditan manakala tiga penyata kewangan lagi belum diterima.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

	Bilangan Agensi Negeri	26 Akaun Agensi
PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2020	13 Badan Berkanun Negeri	1 Pendapat Tanpa Teguran
	12 Pihak Berkuasa Tempatan	1 Pendapat Tanpa Teguran Dengan <i>EOM</i>
	1 Majlis Agama Islam	24 Belum Disahkan

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri, iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2021, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 26 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2020. Daripada jumlah tersebut, 13 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh/Enakmen Badan Berkanun Negeri, 12 merupakan penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MAI manakala baki 25 penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2021, sepuluh daripada 13 BBN telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. Daripada sepuluh BBN, lima telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 April 2021 manakala lima mengemukakannya selepas tempoh tersebut. Baki tiga BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit iaitu Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor; Majlis Sukan Negeri Selangor; dan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor. Daripada tiga BBN tersebut, hanya Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor; dan Majlis Sukan Negeri Selangor mendapat kelulusan pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan daripada Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS).

3.2. Penyerahan penyata kewangan oleh PBT setakat 31 Ogos 2021 pula mendapati lima PBT telah mengemukakan penyata kewangan sebelum atau pada 30 April 2021, manakala tujuh PBT mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh tersebut. Satu daripada tujuh PBT yang lewat mengemukakan penyata kewangan bagi tahun 2020, iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam telah diluluskan penangguhan oleh PNS sehingga 31 Julai 2021. Tiada bukti kelulusan diberikan kepada enam PBT yang lain. Majlis Agama Islam Selangor telah mengemukakan penyata kewangan pada 30 April 2021. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI,
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	02.03.2021
2.	Perbadanan Wakaf Selangor	02.04.2021
3.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	28.04.2021
4.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	28.04.2021
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	30.04.2021
6.	Lembaga Urus Air Selangor	05.05.2021
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	05.05.2021
8.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	21.05.2021
9.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	15.06.2021
10.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	15.06.2021
11.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Belum diterima
12.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Belum diterima
13.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Belum diterima

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Selangor	30.04.2021
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Selayang	26.04.2021
2.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	27.04.2021
3.	Majlis Perbandaran Sepang	27.04.2021
4.	Majlis Perbandaran Kajang	28.04.2021
5.	Majlis Perbandaran Kuala Langat	28.04.2021
6.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	31.05.2021
7.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	04.06.2021
8.	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	14.06.2021
9.	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	22.06.2021
10.	Majlis Bandaraya Shah Alam	29.07.2021
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	05.08.2021
12.	Majlis Perbandaran Klang	25.08.2021

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau Malaysian Accounting Standards Board (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.2. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS).

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi di negeri Selangor bagi tahun kewangan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2020

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)	10
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	16
JUMLAH		26

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua jenis Pendapat Audit, iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-Hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa dan telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai tadbir urus.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) menunjukkan penyata kewangan tidak menunjukkan keadaan yang benar dan saksama, terdapat salah nyata ketara (material misstatement) atau Juruaudit menghadapi kekangan sehingga tidak boleh memberikan pendapatnya. Apabila keadaan ini didapati semasa pengauditan, Juruaudit perlu membuat pertimbangan sama ada ianya material atau/dan pervasif terhadap penyata kewangan dan keperluan melaporkan Pendapat Diubahsuai (Modified Opinion) dalam Sijil Ketua Audit Negara. Perkara material atau/dan pervasif adalah asas terhadap Sijil Berteguran, Bertentangan (Adverse) dan Penafian Pendapat (Disclaimer).

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidakpastian, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidakpastian berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2021, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan dua daripada 23 penyata kewangan tahun 2020 yang telah diterima. Penyata kewangan tersebut melibatkan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa yang diberikan Sijil Audit Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM dan Perbadanan Wakaf Selangor yang diberikan Sijil Audit dengan Pendapat Tanpa Teguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun kewangan 2016 sehingga 2020 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
JENIS PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2016 SEHINGGA 2020

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2016	2017	2018	2019	2020*
1.	Pendapat Tanpa Teguran	21	20	18	21	1
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	2	3	1	1
3.	Pendapat Berteguran	4	4	4	3	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	1	1	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
JUMLAH		26	26	26	26	2

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2016-2020

Nota: (*) Status pengesahan penyata kewangan agensi sehingga 31 Ogos 2021

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 bagi kesemua 26 agensi negeri adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	Selesai
2.	Perbadanan Wakaf Selangor	Selesai
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Dalam proses pengauditan
4.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	Dalam proses pengauditan
5.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Dalam proses pengauditan
6.	Lembaga Urus Air Selangor	Dalam proses pengauditan
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	Dalam proses pengauditan
8.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	Dalam proses pengauditan
9.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	Dalam proses pengauditan
10.	Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria	Dalam proses pengauditan
11.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Belum Terima
12.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	Belum Terima
13.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Belum Terima
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Selangor	Dalam proses pengauditan
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Dalam proses pengauditan
2.	Majlis Perbandaran Sepang	Dalam proses pengauditan
3.	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	Dalam proses pengauditan
4.	Majlis Perbandaran Selayang	Dalam proses pengauditan
5.	Majlis Perbandaran Kuala Langat	Dalam proses pengauditan
6.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Dalam proses pengauditan
7.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Dalam proses pengauditan
8.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Dalam proses pengauditan
9.	Majlis Perbandaran Kajang	Dalam proses pengauditan
10.	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Dalam proses pengauditan
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Dalam proses pengauditan
12.	Majlis Perbandaran Klang	Dalam proses pengauditan

Sumber: Jabatan Audit Negara dan FAS

5.5. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2019

5.5.1. LKAN Tahun 2019 mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Selangor Tahun 2019 yang dibentangkan di Parlimen (5 November 2020) dan Dewan Undangan Negeri (24 Ogos 2021) hanya melaporkan status Sijil Ketua Audit Negara bagi satu daripada

26 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Hal ini kerana 25 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih belum disahkan semasa LKAN dimuktamadkan pada 31 Ogos 2020.

5.5.2. Setakat 31 Ogos 2021, kesemua penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah selesai diaudit dan disahkan. Status Sijil Ketua Audit Negara yang dikeluarkan terhadap 26 penyata kewangan tersebut ialah lapan penyata kewangan BBN, 12 penyata kewangan PBT dan penyata kewangan MAI telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Satu penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM, tiga penyata kewangan agensi diberikan Pendapat Berteguran dan satu penyata kewangan diberikan Pendapat Bertentangan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM, PENDAPAT BERTEGURAN
DAN PENDAPAT BERTENTANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EOM		
1.	Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa (KWAHTW)	Perkara 2.7 dalam Minit Mesyuarat Majlis Penutup bagi Pengauditan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 mengenai cadangan dalam mesyuarat lembaganya pada 22 November 1973 untuk membubarkan Kumpulan Wang ini memandangkan ia tidak lagi berfungsi mengikut tujuan asal kewujudannya semenjak 28 Mei 1974. Bagaimanapun, sehingga kini pembubaran masih belum dilaksanakan.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)	<p>Hartanah, Loji dan Peralatan - RM699,364 dan Hartanah Pelaburan - RM140,580,193</p> <p>Enam lot tanah, iaitu PT2511, PT2512, PT2513, PT8850, PT8851 dan PT8857 serta beberapa unit rumah dan kedai bagi tujuh bangunan, iaitu PPR Kg. Baru Hicom, Pangsapuri Taman Damai Utama, Rumah Flat Kos Rendah Kelana Idaman, Pangsapuri Seri Nuang, Pangsapuri Kg. Raja Uda dan Jalan Raya Barat milik Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor tidak diiktiraf sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan serta Hartanah Pelaburan. Oleh itu, Hartanah, Loji dan Peralatan serta Hartanah Pelaburan tidak diiktiraf sepenuhnya dan nilai sebenar tidak dilaporkan dengan benar dan saksama.</p> <p>Akaun Amanah Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Hartanah Harga Kawalan Terlebih Nyata - RM94,629,948</p> <p>Penyaluran dana pembelian hartanah kepada syarikat subsidiari berjumlah RM94,629,948 tidak diakaunkan dalam Akaun Amanah Pengecualian Syarat Kuota Bumiputera dan Sumbangan Pengecualian Pembinaan Hartanah Harga Kawalan menyebabkan akaun amanah telah terlebih nyata serta pendapatan dan perbelanjaan telah terkurang nyata.</p> <p>Hartanah Pelaburan Terlebih Nyata - RM74,261,813</p> <p>Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah merekodkan Hartanah Pelaburan milik syarikat subsidiari dengan nilai bawaan berjumlah RM74,261,813. Oleh itu, Hartanah Pelaburan telah terlebih nyata.</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT AUDIT
		<p>Kerja Dalam Pembinaan Terlebih Nyata - RM7,219,950</p> <p>Termasuk dalam Kerja Dalam Pembinaan sejumlah RM7,219,950 merupakan pembelian hartanah Bumiputera yang mana perjanjian jual beli hartanah tersebut adalah atas nama syarikat subsidiari. Oleh itu, Kerja Dalam Pembinaan telah terlebih nyata.</p> <p>Tunggakan Kutipan Rumah Awam Kos Rendah Tidak Direkodkan - RM3,434,052</p> <p>Tunggakan sejumlah RM3,434,052 tidak direkodkan menyebabkan aset dan hasil telah berkurang nyata.</p> <p>Hasil Sewaan Hartanah Pembelian dan Hartanah Kontra Tidak Dinyatakan Dengan Tepat - RM2,113,005</p> <p>Hasil sewaan Hartanah Pembelian dan Hartanah Kontra yang dipulangkan oleh syarikat subsidiari berjumlah RM2,113,005 adalah kutipan sewaan dan deposit yang diterima pada tahun semasa. Amaun ini adalah <i>net off</i> setelah ditolak perbelanjaan penyenggaraan dan lain-lain perbelanjaan. Oleh itu, aset, liabiliti, hasil dan perbelanjaan telah berkurang nyata.</p> <p>Deposit Tidak Dapat Disahkan - RM1,643,201</p> <p>Deposit pembelian rumah serta sewaan rumah, kedai dan gerai berjumlah RM1,643,201 tidak dapat disahkan kerana lejar individu dan laporan pengumuran tidak disediakan.</p>
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIV)	<p>Pelaburan - RM2,443</p> <p>Kedudukan sebenar pelaburan KWBIV yang terdiri daripada saham BHP Billiton Limited dan South 32 di pasaran saham Australia tidak dapat disahkan kerana pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan. Pihak KWBIV juga tidak mengiktiraf pelaburan saham ini pada nilai pasaran menyebabkan nilai pelaburan sebenar berkurang nyata. Oleh itu, pendapat Audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.</p>
3.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney (KWAMSHG)	<p>Pelaburan - RM6,964</p> <p>Kedudukan sebenar pelaburan KWAMSHG yang terdiri daripada bon (British War Stock) di Standard Chartered Bank, United Kingdom tidak dapat disahkan kerana pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat Audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.</p>
PENDAPAT BERTENTANGAN		
1.	Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)	<p>Wang di Bank dan di Tangan - RM832,515</p> <p>Wang di bank dan di tangan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM832,515 tidak dapat disahkan kerana tidak mengambil kira 140 transaksi pembayaran berjumlah RM1,376,011. Ini menyebabkan perbelanjaan telah berkurang nyata manakala keuntungan tahun semasa dan baki wang di bank dan di tangan telah terlebih nyata.</p> <p>Kelemahan kawalan dalaman terhadap proses pembayaran merangkumi semakan dan pemantauan pengurusan serta penyediaan penyata penyesuaian bank menyebabkan <i>improper payment</i>. Perkara ini melibatkan pembayaran dibuat kepada penerima tidak sah, tanpa baucar bayaran dan tanpa dokumen sokongan. Kelemahan juga didapati dalam proses kelulusan bayaran dalam talian kepada pihak yang tidak berkenaan tanpa mengikut prosedur yang sepatutnya disebabkan tiada prosedur keselamatan dan pengesahan yang utuh.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan tujuh enakmen penubuhan BBN menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor (DUN). Bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menghendaki satu salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan seterusnya dibentangkan di DUN.

6.2. Sebanyak lima penyata kewangan agensi tahun 2019 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DUN berdasarkan Akta/Enakmen yang dinyatakan seperti perenggan di atas. Bagaimanapun, tujuh penyata kewangan agensi tidak perlu dibentangkan di DUN berdasarkan Akta Tubuh/Enakmen BBN masing-masing dan Enakmen MAIS. Agensi terlibat ialah Perbadanan Wakaf Selangor, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney, Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee, Majlis Sukan Negeri Selangor, Kumpulan Wang Hospital Tai Wa, Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria dan Majlis Agama Islam Selangor. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019
DI DEWAN NEGERI SELANGOR

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	30.10.2020
2.	Lembaga Urus Air Selangor	30.10.2020
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	24.08.2021
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	24.08.2021
5.	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor	24.08.2021
6.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	Belum bentang
7.	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	Belum bentang
8.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Belum bentang
9.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Belum bentang
10.	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Belum bentang
11.	Majlis Perbandaran Klang	Belum bentang
12.	Majlis Perbandaran Kajang	Belum bentang
13.	Majlis Perbandaran Sepang	Belum bentang
14.	Majlis Perbandaran Selayang	Belum bentang
15.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Belum bentang
16.	Majlis Perbandaran Kuala Langat	Belum bentang
17.	Majlis Perbandaran Hulu Selangor	Belum bentang
18.	Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Belum bentang
19.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Belum bentang

Sumber: Dewan Negeri Selangor pada 30 Oktober 2020 dan 24 Ogos 2021

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebih atau kurang pendapatan, aset dan liabiliti. Bagaimanapun, analisis penyata kewangan agensi bagi tahun 2020 tidak dilaksanakan kerana hanya dua daripada 26 penyata kewangan agensi telah dipersijilkan setakat 31 Ogos 2021.

8. BIDANG UTAMA AUDIT (KEY AUDIT AREAS)

Bermula tahun 2019, Jabatan Audit Negara melaporkan aktiviti yang signifikan dan mempunyai impak hasil daripada pengauditan *key audit area* yang melibatkan 11 kriteria, iaitu penyaluran dan penggunaan geran pembangunan dan mengurus; pengurusan pinjaman; pengurusan cukai taksiran; pengurusan agihan zakat; perolehan artifak; pengurusan pelaburan; pengurusan *work in progress*; pengurusan pelaburan hartanah; pengurusan aset infrastruktur; pengurusan tanah; dan pengurusan emolumen dan saraan ahli lembaga pengarah. Bagaimanapun sehingga 30 Ogos 2021, tiada penemuan yang signifikan dilaporkan berdasarkan pengauditan *key audit area* yang telah dilaksanakan terhadap Penyata Kewangan BBN, PBT dan MAI.

9. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, setakat 31 Ogos 2021, dua penyata kewangan agensi telah disahkan, iaitu bagi Perbadanan Wakaf Selangor yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa yang diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan EOM. Sebanyak 21 penyata kewangan sedang diaudit manakala tiga penyata kewangan belum diterima, iaitu Penyata Kewangan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor; Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor; dan Majlis Sukan Negeri Selangor.

10. SYOR AUDIT

Kerjasama agensi di semua peringkat termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan telah memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

10.1. agensi perlu memastikan penyerahan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengerusi dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan

10.2. agensi hendaklah memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri Selangor dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenalpasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.
- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri Selangor dilaksanakan seperti berikut:
 - Kutipan Cukai Tanah Lot Tanah Pertanian di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling; dan
 - Pengurusan Pembayaran di Majlis Sukan Negeri Selangor

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dilaksanakan untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Apa yang ditemui Audit?

- **Cukai Tanah Tidak Dikenakan Mengikut Kadar yang Ditetapkan di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling**
 - cukai tanah tidak dikenakan mengikut kadar cukai yang ditetapkan bagi lapan hak milik mengakibatkan ketirisan hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2020 sejumlah RM404,978;
 - kesilapan mengenakan kadar cukai menyebabkan cukai tanah bagi tujuh hak milik terlebih kutip sebanyak RM36,248 bagi tahun 2020.

- **Pembayaran Tidak Wajar Berjumlah RM1.95 Juta di Majlis Sukan Negeri Selangor**

- bayaran dibuat kepada penerima tidak sah sejumlah RM1.95 juta, iaitu RM0.55 juta dibayar pada tahun 2020 dan RM1.40 juta dibayar pada tahun 2019.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENGENALAN

1.1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/pejabat dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kehilangan/kerugian wang awam.

1.2. Pada tahun 2020, sebanyak dua pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu jabatan dan satu agensi negeri seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2020

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Kutipan Cukai Tanah Lot Tanah Pertanian	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling
2.	Pengurusan Pembayaran	Majlis Sukan Negeri Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Pemilihan dibuat berdasarkan terimaan dan perbelanjaan jabatan/agensi negeri yang utama dan berisiko tinggi.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

- KUTIPAN CUKAI TANAH LOT TANAH PERTANIAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH PETALING

1. KUTIPAN CUKAI TANAH LOT TANAH PERTANIAN

FAKTA UTAMA

RM153.97 Juta	Kutipan Hasil Cukai Tahun 2019
RM149.08 Juta	Kutipan Hasil Cukai Tahun 2020

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Daerah dan Tanah Petaling (PDT Petaling) bertanggungjawab terhadap aktiviti pendaftaran tanah, memungut hasil tanah, pembangunan tanah dan penguatkuasaan. Hasil pejabat tanah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai terdiri dari Cukai Tanah Semasa, Cukai Tanah Tahun Pertama dan Tunggakan Cukai Tanah manakala Hasil Bukan Cukai terdiri dari Premium, Lesen, Permit dan bayaran perkhidmatan yang lain. PDT Petaling menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi urusan pendaftaran hak milik tanah. Bagi urusan kutipan hasil cukai tanah pula Sistem eHasil diguna pakai mulai bulan April 2018.

1.2. Berdasarkan rekod eHasil PDT Petaling dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS), kutipan hasil cukai tanah bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KUTIPAN HASIL CUKAI TANAH PDT PETALING
BAGI TAHUN 2019 DAN TAHUN 2020

KUTIPAN HASIL	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)
Kutipan Hasil Cukai Tanah	153.97	149.08
JUMLAH HASIL	153.97	149.08

Sumber: eHasil PDT Petaling dan PTGS

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada hasil cukai tanah diurus dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi hasil cukai tanah lot pertanian di Unit Hasil PDT Petaling serta data daripada PTGS terhadap 5,302 hak milik tanah bagi tahun 2020. Sampel sebanyak 65 hak milik tanah bagi lot pertanian telah dipilih untuk pengauditan terperinci. Kaedah pengauditan ialah dengan menyemak fail, rekod, dokumen kewangan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) berkaitan serta analisis data eHasil. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut dijalankan untuk penjelasan lanjut.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Disember 2020 sehingga Mac 2021. Maklum balas daripada PDT Petaling dan PTGS telah diterima pada 21 Julai 2021, 9 Ogos 2021, 27 Ogos 2021 dan terkini adalah pada 1 September 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 28 Julai 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan audit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Perbezaan Kadar Kutipan Hasil Cukai Tanah

4.1.1. Cukai tanah hendaklah dikenakan mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 (Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 17 Mac 2016) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Kaedah-kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 menetapkan kadar cukai bagi lot tanah pertanian kategori tanah bandar, pekan dan desa (mukim) seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KADAR CUKAI BAGI KATEGORI TANAH BANDAR/PEKAN/DESA (MUKIM)

KATEGORI		KADAR PER HEKTAR SETAHUN (RM)
Bandar		238.00
Pekan		238.00
Desa (Mukim)	(i) Tanaman getah, kelapa sawit, kelapa atau koko	(a) 5 hektar dan ke atas: RM35.40 per hektar setahun (b) Kurang 5 hektar: RM29.00 per hektar setahun
	(ii) Tanaman kelapa atau kelapa sawit	Lebih 40 hektar: RM150.00 per hektar setahun
	(iii) Padi, nipah atau sagu	10.40
	(iv) Bentuk tanaman lain	14.50

Sumber: Kaedah-kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016

4.1.2. Semakan Audit mendapati berlaku kesilapan dalam menetapkan kadar cukai terhadap 65 hak milik. Bagaimanapun, siasatan dan tindakan mengemas kini maklumat dalam eHasil seperti keluasan tanah telah dibuat selepas pemerhatian Audit dikeluarkan yang melibatkan 29 hak milik. Tindakan mengemas kini maklumat masih diambil selepas mesyuarat penutup diadakan pada 28 Julai 2021 yang melibatkan 21 hak milik. Secara keseluruhan, sebanyak 50 hak milik telah diambil tindakan kemas kini maklumat dalam eHasil. Baki sebanyak 15 hak milik masih menunjukkan perbezaan berdasarkan bil hasil tanah yang dikeluarkan oleh PDT Petaling berbanding kadar sebenar yang patut dicaj kepada pemilik tanah. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

a. Cukai Tanah Lot Pertanian Terkurang Kutip Sejumlah RM404,978

Semakan Audit mendapati **cukai tanah bagi lapan hak milik [tanah lot pertanian kategori desa (mukim)] telah terkurang kutip sejumlah RM404,978**. Jumlah cukai tanah yang dikenakan ialah RM2,050 berbanding RM407,028 yang sepatutnya dikenakan berdasarkan keluasan dan kategori tanah. Butiran pengiraan kadar mengikut keluasan tanah yang didaftarkan dalam eHasil adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3
HASIL CUKAI TANAH TERKURANG KUTIP
BAGI LOT PERTANIAN KATEGORI TANAH DESA (MUKIM)**

BIL.	NO. HAK MILIK	KATEGORI TANAH	KELUASAN (Hektar)	KADAR PER HEKTAR (RM)	CUKAI YANG SEPATUT DIKENAKAN (RM)	CUKAI YANG TELAH DIKENAKAN (RM)	CUKAI TAHUNAN TERKURANG KUTIP (RM)
			(a)	(b)	(c) = (a) x (b)		
1.	HSM00000992	Mukim Sungai Buloh	9,535	14.50	138,257	14	(138,243)
2.	HSM00000845	Mukim Sungai Buloh	1,897	14.50	27,506	238	(27,268)
3.	GM00001149	Mukim Petaling	1,325	14.50	19,212	30	(19,182)
4.	PM00000568	Mukim Sungai Buloh	1,012	14.50	14,674	453	(14,221)
5.	GM00000513	Mukim Sungai Buloh	810	14.50	11,745	15	(11,730)
6.	GM00000006	Mukim Sungai Buloh	460	14.50	6,670	9	(6,661)
7.	PM00003917	Mukim Sungai Buloh	334	14.50	4,843	15	(4,828)
8.	HSD00238234	Mukim Bukit Raja	12,698	14.50	184,121	1,276	(182,845)
JUMLAH					407,028	2,050	(404,978)

Sumber: Data SPTB dan e-Hasil

b. Cukai Tanah Lot Pertanian Terlebi Kutip Sejumlah RM36,248

Semakan Audit selanjutnya mendapati **cukai tanah bagi tujuh hak milik (tanah lot pertanian) telah terlebih kutip sejumlah RM36,248.**

Butiran pengiraan kadar mengikut keluasan tanah yang didaftarkan dalam eHasil adalah seperti dalam **Jadual 4.**

JADUAL 4
HASIL CUKAI TANAH TERLEBIH KUTIP
BAGI LOT PERTANIAN KATEGORI TANAH DESA (MUKIM)

BIL.	NO. HAK MILIK	KATEGORI TANAH	KELUASAN (Hektar)	KADAR PER HEKTAR (RM)	CUKAI YANG SEPATUT DIKENAKAN (RM)	CUKAI YANG TELAH DIKENAKAN (RM)	CUKAI TAHUNAN TERLEBIH KUTIP (RM)
			(a)	(b)	(c) = (a) x (b)		
1.	HSM00005434	Mukim Damansara	0.4366	14.50	6	9,306	9,300
2.	GM00000363	Mukim Sungai Buloh	2.1246	14.50	31	6,907	6,876
3.	GM00000107	Mukim Sungai Buloh	0.8473	14.50	12	5,081	5,069
4.	GRN00140870	Mukim Petaling	222.10	14.50	3,220	7,863	4,643
5.	PN00117072	Mukim Petaling	167.20	14.50	2,424	5,919	3,495
6.	PN00007399	Mukim Petaling	15.50	14.50	225	3,689	3,464
7.	PN00091929	Mukim Petaling	162.70	14.50	2,359	5,760	3,401
JUMLAH					8,277	44,525	36,248

Sumber: Data SPTB dan e-Hasil

4.1.3. Terkurang dan terlebih kutip hasil cukai berlaku kerana maklumat yang dikunci masuk dalam sistem eHasil oleh pegawai bertanggungjawab adalah kurang tepat dari segi kadar, keluasan dan kegunaan tanah serta tidak disemak atau dikemas kini dari semasa ke semasa. Hal ini menyebabkan bil cukai/hasil yang dijana melalui e-Hasil adalah lebih rendah atau tinggi berbanding kadar yang sepatutnya dicaj kepada pemilik.

Maklum Balas PDT Petaling yang Diterima pada 1 September 2021 dan 18 November 2021

PDT Petaling dan PTGS memaklumkan bahawa 15 hak milik di atas masih dalam proses semakan dan siasatan oleh pihak PTGS dan PDT Petaling. Terkini, 13 daripada 15 hak milik telah diambil tindakan pembetulan. Walau bagaimanapun, selepas pelarasan yang

telah dibuat oleh PDT petaling terdapat empat hak milik dibawah Jadual 3, iaitu GM 149, PM 568, GM 6 dan HSD 238234 mempunyai cukai terlebih kutip sebanyak RM22,203.60. Amaun tersebut telah diremitkan ke akaun Bil Cukai Tanah Semasa pemilik yang terlibat.

Terdapat dua hak milik belum selesai seperti di Jadual 4, iaitu GM 107 dan PN 7399 sebanyak RM8,533.00. Tindakan pembatalan hak milik dan pengeluaran Notis 6A terhadap hak milik tersebut akan mengambil masa kerana melibatkan siasatan lanjut ke atas hak milik bermasalah.

Pernyataan Audit | **Cukai tanah lot pertanian bagi tahun 2020 yang tidak dikutip menggunakan kadar yang betul telah menyebabkan berlakunya ketirisan hasil di PDT Petaling berjumlah RM404,978. Selain itu, kesilapan mengenakan kadar yang betul juga menyebabkan sejumlah RM36,248 terlebih kutip daripada pemilik tanah.**

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan kutipan hasil cukai tanah lot pertanian tidak diuruskan dengan teratur di PDT Petaling. Perkara ini berlaku kerana maklumat yang dikunci masuk dalam sistem eHasil adalah kurang tepat dan tidak dikemas kini dari semasa ke semasa. Akibatnya, Kerajaan negeri telah kehilangan hasil berjumlah RM404,978 pada tahun 2020 kerana kesilapan pengiraan kadar cukai yang betul dalam sistem eHasil melibatkan lapan hak milik bagi tanah pertanian. PDT Petaling juga perlu memulangkan semula lebihan kutipan berjumlah RM36,248 kepada tujuh pemilik tanah kerana kesilapan yang sama.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kutipan hasil cukai tanah yang teratur, PDT Petaling disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. menentukan maklumat yang dikunci masuk oleh pegawai bertanggungjawab merupakan maklumat yang tepat daripada segi kadar, keluasan dan kegunaan tanah; dan
- 6.2. memastikan pegawai bertanggungjawab menyemak dan mengemas kini maklumat dalam sistem dari semasa ke semasa.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

- **PENGURUSAN PEMBAYARAN**

MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

2. PENGURUSAN PEMBAYARAN

FAKTA UTAMA

RM15.11 Juta	Perbelanjaan Tahun 2019
RM12.80 Juta	Perbelanjaan Tahun 2020

1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) ditubuhkan pada 27 April 1971 mengikut Seksyen 7, dibaca bersama Jadual Kedua Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971 (Akta 29). MSNS ditubuhkan untuk memajukan kepentingan sukan dalam negeri dan menyediakan kemudahan yang cukup bagi kemajuan semua cawangan sukan di peringkat negeri dan daerah. Perbelanjaan MSNS bagi memajukan kepentingan sukan negeri antaranya melibatkan program pembangunan sukan, penganjuran kejohanan, bantuan tunai kejurulatihan serta latihan atlet dan pemberian tunai kepada badan gabungan. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2019 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MSNS BAGI TAHUN 2019 DAN 2020

PERBELANJAAN	2020 (RM Juta)		2019 (RM Juta)	
	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN
Mengurus	5.15	5.71	5.62	6.20
Pembangunan	6.90	7.09	8.89	8.91
JUMLAH	12.05	12.80	14.51	15.11

Sumber: Laporan Prestasi Perbelanjaan Majlis Sukan Negeri Selangor

1.2. MSNS mengguna pakai Sistem Perbankan CIMB BizChannel (Sistem BizChannel) sejak tahun 2015 untuk membuat transaksi pembayaran bagi dua akaun bank MSNS. Selain membuat bayaran secara individu, MSNS juga mengguna pakai kaedah bayaran secara pukal untuk membuat pelbagai bayaran kepada penerima yang berbeza.

1.3. Pada 1 Disember 2020, pihak Audit telah menerima sesalinan laporan polis yang dibuat oleh Pengarah Eksekutif MSNS daripada Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Daerah Shah Alam berkenaan penyelewengan wang di MSNS melibatkan seorang pegawai MSNS. Pembayaran telah dibuat melalui Sistem BizChannel.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada pembayaran melalui Sistem BizChannel dibuat dengan teratur dan mematuhi undang-undang serta peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi pembayaran yang dilakukan pada tahun 2020 dan 2019 di Unit Kewangan MSNS. Semakan dilakukan terhadap kesemua dokumen senarai transaksi bayaran melalui Sistem BizChannel yang dikemukakan.

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dokumen bayaran, rekod pada sistem perakaunan, dokumen kewangan yang lain dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) berkaitan pembayaran. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut dijalankan untuk mengesahkan penemuan Audit.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Disember 2020 hingga Mac 2021. Maklum balas daripada Majlis Sukan Negeri Selangor telah diterima pada 6 Mei 2021 dan 31 Mei 2021. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 25 Jun 2021. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Bayaran Dibuat Kepada Penerima Tidak Sah Sejumlah RM1.95 Juta

4.1.1. Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan WP 10.3 - Lampiran A, antara perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak wajar atau *improper payment* adalah seperti berikut:

- a. Apa-apa bayaran yang dibuat kepada seseorang (termasuk syarikat atau badan lain) yang tidak berhak menerimanya. Misalnya nama orang, syarikat atau badan dalam baucar atau cek berlainan daripada nama dalam bil atau invoice atau mana-mana penyata tuntutan; dan
- b. Apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali.

4.1.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap semua dokumen senarai transaksi bayaran melalui Sistem BizChannel yang dikemukakan bagi tahun 2020 dan 2019 serta semakan silang kepada baucar bayaran dan penyata bank untuk mengesahkan kesahihan/kewujudan transaksi. Hasil semakan Audit mendapati berlakunya **pembayaran tidak wajar bagi tahun 2020 dan 2019, masing-masing melibatkan 77 transaksi berjumlah RM0.55 juta dan 144 transaksi berjumlah RM1.40 juta.**

4.1.3. Kesemua pembayaran tersebut dilakukan oleh seorang pegawai MSNS, iaitu Penolong Akauntan/W32 dengan menggunakan 13 akaun bank milik persendirian, ahli keluarga dan syarikat pegawai berkenaan. Kesemua pembayaran dibuat sama ada tanpa baucar bayaran atau dengan baucar bayaran tanpa dokumen sokongan sah. Analisis Audit terhadap pembayaran tidak wajar tersebut adalah seperti dalam **Jadual 2.**

**JADUAL 2
ANALISIS PEMBAYARAN TIDAK WAJAR BAGI TAHUN 2019 DAN 2020**

KOD OBJEK/BUTIRAN	2020		2019		JUMLAH KESELURUHAN	
	TRANSAKSI	RM	TRANSAKSI	RM	TRANSAKSI	RM
Bayaran Tanpa Baucar terdiri daripada:						
a. 24600 - Sewa peralatan elektronik	12	112,840	1	5,000	13	117,840
b. 29100 - Perkhidmatan yang dibeli	3	23,095	14	300,975	17	324,070
c. 41600 - Bantuan Kejurulatihan	12	96,000	-	-	12	96,000
d. 42100 - Pembangunan Sukan	29	189,325	56	487,812	85	677,137
e. 42200 - Pembangunan Majlis Sukan Daerah	17	118,472	62	456,283	79	574,755
f. 44200 - Persediaan SUKMA	3	7,500	6	120,460	9	127,960
g. 49200 - Kejohanan luar negara	1	3,000	-	-	1	3,000
JUMLAH	77	550,232	139	1,370,530	216	1,920,762
Bayaran Dengan Baucar Tanpa Dokumen Sokongan Sah melibatkan rekupan Panjar Wang Runcit dan/atau tuntutan perubatan	-	-	5	25,810	5	25,810
JUMLAH KESELURUHAN	77	550,232	144	1,396,340	221	1,946,572

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Selangor dan Majlis Sukan Negeri Selangor

4.1.4. Analisis Audit mendapati sebanyak 216 transaksi sejumlah RM1.92 juta tidak dapat disahkan kewujudan baucar bayarannya melibatkan perbelanjaan operasi MSNS, bayaran gaji kepada bekas jurulatih MSNS yang telah ditamatkan kontrak pada tahun 2017 dan 2019, pembangunan sukan, penyaluran bantuan kepada persatuan sukan dan majlis sukan daerah; dan program kejoanan. Selain itu, sejumlah RM25,810 bagi lima transaksi yang mempunyai baucar bayaran tetapi tanpa dokumen sokongan sah melibatkan rekupan Panjar Wang Runcit dan tuntutan perubatan terlebih bayar kepada Penolong Akauntan/W32.

4.1.5. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembayaran sebenar berdasarkan baucar bayaran telah disahkan secara manual oleh semua pegawai yang terlibat dan maklumat tersebut akan dikunci masuk semula ke dalam Sistem BizChannel bagi tujuan pembayaran secara dalam talian. Penolong Akauntan/W32 mempunyai akses penuh terhadap Sistem BizChannel yang membolehkan pegawai tersebut mewujudkan transaksi tambahan, nombor baucar bayaran, akaun bank dan butiran amaun secara manual ketika mengunci masuk maklumat bayaran untuk kelulusan. Tiada semakan silang dibuat oleh pegawai penyelia terhadap senarai bayaran yang dikunci masuk oleh Penolong Akauntan/W32 berbanding senarai baucar bayaran yang diluluskan secara manual. **Ini menjadikan sejumlah RM1.95 juta sebagai pembayaran tidak wajar (improper payment) yang dilakukan oleh pegawai MSNS tersebut bagi tahun 2020 dan 2019.**

4.1.6. Perkara ini berlaku disebabkan faktor kawalan dalaman yang lemah seperti berikut:

a. Pengasingan Tugas dan Kawalan Akses Dalam Sistem BizChannel Tidak Dilaksanakan Dengan Efektif

- i. Pihak CIMB memaklumkan peranan pentadbir (admin) dan penyedia (maker) atau pelulus (approver) boleh diisi oleh pegawai yang sama atau berbeza. Semakan Audit terhadap Surat Penurunan Kuasa oleh Pengarah Eksekutif MSNS mendapati Akauntan/WA41 dan Penolong Akauntan/W32 mempunyai kuasa dalam mentadbir dan menyediakan bayaran dalam sistem perbankan. Temu bual lanjut dengan pihak MSNS memaklumkan Sistem BizChannel dikawal selia sepenuhnya oleh dua pegawai tersebut. Butiran peranan pegawai dalam Sistem BizChannel adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3
PERANAN DALAM SISTEM BIZCHANNEL**

BIL.	PERANAN	JAWATAN/GRED	HAD KELULUSAN BAYARAN
1.	Pentadbir (Admin)	<ul style="list-style-type: none"> • Penolong Akauntan/W32 • Akauntan/WA41 	Tidak berkenaan
2.	Penyedia (Maker)		
3.	Pelulus (Approver)	<ul style="list-style-type: none"> • Akauntan/WA41 • Timbalan Pengurus Kewangan/N48 • Pengarah Eksekutif • Pengerusi Lembaga Pengurus 	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang RM10,000 – Dua orang pelulus • Lebih RM10,000 – Tiga orang pelulus

Sumber: Majlis Sukan Negeri Selangor

- ii. Ketiadaan pengasingan tugas/peranan yang efektif dalam Sistem BizChannel telah memberi ruang kepada Penolong Akauntan/W32 untuk memanipulasi maklumat seperti nombor akaun bank penerima dan butiran amaun.

b. Kelemahan Proses Bayaran Oleh MSNS

Proses kelulusan pembayaran dalam sistem perlu dilakukan dengan membuat semakan silang kepada senarai baucar bayaran. Semakan Audit mendapati terdapat kelemahan dalam proses bayaran oleh MSNS kerana Prosedur Operasi Standard berkaitan perkara tersebut tidak disediakan. Selain itu, setiap transaksi yang disediakan dan dilaksanakan oleh Penolong Akauntan/W32 tidak disemak oleh Akauntan/WA41 untuk mengesahkan ketepatan bayaran.

c. Penyata Penyesuaian Bank Tidak Disediakan Dengan Teratur

Pihak Audit tidak dapat memastikan penyata penyesuaian bank disediakan pada setiap bulan kerana hanya 12 penyata penyesuaian bank yang dikemukakan bagi tempoh Januari 2019 hingga November 2020. Selain penyediaan penyata penyesuaian bank yang tidak teratur, penyata tersebut disediakan oleh Penolong Akauntan/W32 dan tidak disemak oleh pegawai penyelia, iaitu Akauntan/WA41. Hal ini menyebabkan berlakunya manipulasi perekodan kerana tiada pemantauan daripada pegawai penyelia.

d. Ketiadaan Pusingan Tugas Secara Berkala

Berdasarkan semakan terhadap Buku Perkhidmatan Kerajaan bagi Penolong Akauntan/W32 tersebut serta temu bual dengan pihak MSNS, pegawai tersebut telah berkhidmat di MSNS selama 27 tahun secara lantikan kontrak dan telah ditempatkan di bahagian yang sama sepanjang tempoh perkhidmatan, iaitu di Bahagian Kewangan MSNS (Seksyen Akaun). Ketiadaan pusingan tugas secara

berkala kepada pegawai yang terlibat dengan urusan kewangan telah membuka ruang kepada Penolong Akauntan/W32 untuk melakukan penyelewengan.

4.1.7. Pembayaran kepada penerima tidak sah menyebabkan MSNS kerugian wang sejumlah RM1.95 juta pada tahun 2020 dan 2019. Kerugian ini memberi kesan terhadap peruntukan tahunan yang diluluskan dan menjejaskan keberkesanan pelaksanaan program yang telah dirancang.

Maklum Balas MSNS yang Diterima pada 6 Mei 2021

MSNS memaklumkan bahawa tindakan serta-merta telah diambil untuk menamatkan peranan pegawai sedia ada sebagai pentadbir (admin), penyedia (maker) dan pelulus (approver) dan menggantikan dengan nama pegawai lain dalam Sistem BizChannel. Peranan penyemak (checker) juga telah ditambah. Senarai penama yang diberi kuasa telah diluluskan oleh Mesyuarat Pengurusan Kanan MSNS Bil.4/2021 pada 28 April 2021.

MSNS juga telah menambah baik Prosedur Operasi Standard berkaitan penyata penyesuaian bank dengan menetapkan supaya penyata penyesuaian bank dilakukan pada setiap bulan dan ditandatangani oleh Akauntan dan Pengarah Eksekutif. MSNS juga memaklumkan bahawa Sistem Perakaunan ECSOFT sudah tidak diguna pakai dan digantikan dengan Sistem SQL yang mana penyata penyesuaian bank boleh dijana dengan lebih cepat dan tepat.

Pernyataan Audit | Penyelewengan melibatkan pembayaran tidak wajar yang berlaku di MSNS mengakibatkan MSNS kehilangan wang sejumlah RM1.95 juta bagi tahun 2020 dan 2019.

5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop audit, dapat dirumuskan bahawa pengurusan pembayaran di MSNS tidak diuruskan dengan teratur, khususnya melibatkan pembayaran dalam talian. Kelemahan kawalan dalaman yang melibatkan proses dan prosedur, ketiadaan pengasingan dan pusingan tugas serta penyediaan dokumentasi kewangan yang tidak teratur menyebabkan MSNS kehilangan wang sejumlah RM1.95 juta bagi tahun 2020 dan 2019.

6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pembayaran diurus dengan teratur, MSNS disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

6.1. memperketat dan menambah baik proses dan prosedur pembayaran dengan menyediakan Prosedur Operasi Standard berkaitan pengurusan kewangan, mewujudkan pengasingan tugas dan kawalan akses kepada sistem yang lebih utuh serta menjalankan pemantauan yang efektif;

6.2. melaksanakan pusingan tugas secara berkala terutama bagi jawatan yang sensitif bagi membendung aktiviti manipulasi terhadap rekod dan wang Majlis; dan

6.3. mengenakan tindakan sewajarnya kepada pegawai yang terbukti melanggar peraturan dan arahan Majlis seperti yang tertakluk dalam undang-undang, peraturan kewangan dan Prosedur Operasi Standard.



BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Negeri Selangor selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 3, LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Selangor Tahun 2019; dan LKAN Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 24 Ogos 2021.

2. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sepanjang tahun 2020 hingga 30 Ogos 2021, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor telah bermesyuarat empat kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 dan 2019 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
TAHUN 2020		
Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 1		
13 Februari 2020	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Selangor
Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2		
29 Julai 2020	Majlis Sukan Negeri Selangor	Program Pembangunan Sukan
12 Ogos 2020		
Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1		
26 Ogos 2020	Yayasan Selangor	Yayasan Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2020 adalah baik kerana telah dapat diserahkan ke Jabatan Audit Negara untuk diaudit mengikut tempoh yang ditetapkan. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM2.445 bilion masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi dan pengurusan kewangan Kerajaan negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya dan menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan. UAD juga perlu membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
22 November 2021**

The background features a large teal wave shape on the right side, curving upwards. On the left side, there is a patterned area with light blue vertical lines and curved shapes, resembling a stylized architectural or geometric design.

LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Selangor, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memastikan kawalan dalaman terhadap pengurusan terimaan dilaksanakan dengan lebih teratur terutama bagi perkara berikut:

- a. Memastikan transaksi terimaan diperakaunkan segera dalam tahun ianya diterima supaya penyata kewangan yang disediakan pada akhir tahun kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama.
- b. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled item*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 OGOS 2021



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2020 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2020.


DATO' HAJI HARIS BIN KASIM D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

18 Ogos 2021



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM CA(M), FCMA, CGMA

Bendahari Negeri

18 Ogos 2021

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	Nota	2020 RM	2019 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	267,294,007.95	179,253,796.92
PELABURAN	4	2,177,833,171.53	1,962,513,419.07
		<u>2,445,127,179.48</u>	<u>2,141,767,215.99</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	383,422,759.86	267,289,992.36
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	2,061,704,419.62	1,874,477,223.63
		<u>2,445,127,179.48</u>	<u>2,141,767,215.99</u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

	Nota	2020		2019	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		619,314,008.93		700,708,422.85	
Hasil Bukan Cukai		1,360,485,906.06		1,338,441,463.86	
Terimaan Bukan Hasil		<u>277,853,632.51</u>	<u>2,257,653,547.50</u>	<u>281,018,649.00</u>	<u>2,320,168,535.51</u>
Pinjaman					
Dalam Negeri	6	0.00		12,435,853.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>0.00</u>	<u>12,435,853.00</u>
Terimaan Modal					
Pelbagai Terimaan Modal	7	21,408,595.74		22,111,398.03	
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	<u>21,408,595.74</u>	<u>0.00</u>	<u>22,111,398.03</u>
Terimaan Lain					
Terimaan Amanah	7	<u>8,498,679,838.53</u>	<u>8,498,679,838.53</u>	<u>15,878,245,670.42</u>	<u>15,878,245,670.42</u>
Jumlah Terimaan			<u>10,777,741,981.77</u>	<u>18,232,961,456.96</u>	
